# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

ABD MANAN BIN EMBONG

PELAKON

OLEH:



| | |
|---|---|
| SITI NUR HUWAIDA BINTI MOHAMED | 2020872934 |
| UMIE IZZATI BINTI ISMAIL | 2020828328 |



PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# ABD MANAN BIN EMBONG
# PELAKON

**OLEH:**


| | |
|---|---|
| **SITI NUR HUWAIDA BINTI MOHAMED** | **2020872934** |
| **UMIE IZZATI BINTI ISMAIL** | **2020828328** |


**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**
**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**
**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**
**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**
**SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)**

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan rahmatNya kami berjaya mengharungi segala cabaran daripada awal kami menerima tugasan sehinggalah ke peringkat akhir. Tanpa bantuan dariNya kami mungkin tidak akan sampai ke tahap ini. Tidak terbayang di fikiran kami bahawa tugasan ini sudah sampai ke penghujung waktu dengan jayanya, ini tidak akan berlaku tanpa bantuan dariNya. Kami memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi, kerana sesungguhnya tugasan ini amat menguji kami dengan realiti kehidupan yang nyata dan benar dalam mendapatkan maklumat mengenai tokoh veteran dalam bidang seni lakonan yang dipilih oleh kami.

Tidak dilupakan kami juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah subjek IMR 604 iaitu Puan Nurullannisa Binti Abdullah, kerana membantu kami menyiapkan projek kami. Tanpa bantuan beliau, adalah lebih sukar bagi kami untuk menyiapkannya. Kami menghargai semua bantuan beliau, dan kami memanfaatkannya sepenuhnya. Segala jasa dan penat lelah beliau dalam memberi tunjuk ajar kepada kami amatlah dihargai.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Tuan Abd Eman bin Embong di atas segala kerjasama yang diberikan bagi menjayakan projek ini. Beliau telah berkongsi banyak maklumat berharga bersama kami sepanjang temph penghasilan tugasan ini. Kami bertuah kerana beliau berseetuju untuk menjadi tokoh pilihan kami walaupun beliau mempunyai kekangan masa. Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan terima kasih kepada rakan dan ahli keluarga kami yang turut membantu semasa proses tersebut. Dorongan dan doa daripada ahli keluarga dan juga rakan turut menyumbang kepada kejayaan kami dalam menyiapkan tugasan.

# SENARAI ABBREVIASI

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| KBN | Kompleks Kebudayaan Negara |
| ASWARA | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan |
| TV | Televisyen |
| SWT | Subhanahu wa ta'ala |
| SAW | Sallallahu alayhi wa salaam |
| MCE | Malaysian Certificate of Education |
| STP | Sijil Tinggi Pelajaran |
| HSC | Higher School Certificate |
| SRP | Sijil Rendah Pelajaran |
| LCE | Lower Certificate Education |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| FINAS | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia |
| SU | Setiausaha |
| PHD | Doctor of Philosophy |
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| ITM | Institut Teknologi Mara |
| COVID | Coronavirus Disease |
| PAS | Parti Islam Se Malaysia |
| ASA | Anugerah Seri Angkasa |

# SENARAI SINGKATAN

EM: Eman Manan

SNH: Siti Nur Huwaida

UI: Umie Izzati

# RUJUKAN KATA

| | |
|---|---|
| Ambik | Ambil |
| Jugak | Juga |
| Ni | Ini |
| Tu | Itu |
| Takde | Tak ada |
| Harini | Hari Ini |
| Tak | Tidak |
| Je | Sahaja |
| Saja | Sahaja |
| Tapi | Tetapi |
| Macam mana | Bagaimana |
| Dorang/Diorang | Mereka |
| Kecik | Kecil |
| Takkan | Tak akan |
| Nak | Hendak |
| Taknak | Tidak Hendak |
| Mau | Mahu |
| Lah | Ya |
| Kan | Betul |
| pun | Juga |
| Dah | Sudah |
| Kat | Dekat/Di |
| Duk | Sedang |

| | |
|---|---|
| Kah | Adakah |
| Payah | Susah |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

*Abstrak: Temubual adalah dilakukan bersama tokoh iaitu Abd Manan bin Embong atau lebih dikenali sebagai Eman Manan dan pelajar iaitu Siti Nur Huwaida binti Mohamed dan Umie Izzati binti Ismail untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasikan Sejarah Lisan. Kajian ini didahulukan dengan ulasan literatur mengenai seni lakonan dan filem. Kajian ini menceritakan mengenai latar belakang dan sejarah hidup tokoh seni yang merupakan seorang pengiat seni lakonan tanah air. Beliau juga masih aktif dalam bidang lakonan sehingga kini. Kajian lisan ini dijalankan bertujuan untuk mendokumentasi mengenai kisah hidup dan pengalaman seorang tokoh seni lakonan, serta mendokumentasikan pencapaian, dan pendapat beliau mengenai bidang lakonan ini pada zaman sekarang kerana turut difahamkan bahawa lakonan pada zaman dahulu cukup berbeza dari segi skrip, penampilan, pelakon dan juga bayaran pada zaman sekarang. Kajian ini telah dapat mengenalpasti sifat keperibadian tokoh seperti berani dan mementingkan ilmu dalam setiap yang dilakukannya. Selain itu, kajian ini juga dapat mengumpul maklumat perkongsian pendapat serta harapan beliau terhadap anak-anak muda yang berminat untuk menceburi bidang seni lakonan ini agar dapat menjadi pembakar semangat kepada mereka untuk terus memperjuangkan impian mereka. Oleh itu,penulisan artikel yang dilakukan dapat memberi pendedahan mengenai seni lakukan, filem dan perjalanan hidup tokoh yang dipilih dalam industri hiburan tanah air, di samping itu kajian ini dapat membantu dalam penambahan maklumat mengenai seni lakonan tanah air.*

*Kata kunci: Eman Manan, sejarah lisan, seni lakonan, temubual, pengalaman kerjaya, tokoh*

*Abstract: The interview was conducted with the figure Abd Manan bin Embong, better known as Eman Manan, and the students Siti Nur Huwaida binti Mohamed and Umie Izzati binti Ismail for the subject IMR604, which is Documenting Oral History. A literature review on the art of acting and film precedes this study. This study tells about the background and life history of an artistic figure who is a practitioner of the art of acting in her homeland. He is also still active in the field of acting. This oral study aims to document the life story and experience of an acting figure, as well as his achievements and opinion on the field of acting in the present day because it is also understood that acting in the past was quite different in terms of script, appearance, actors, and payment than in the present day. This study has identified personality traits such as bravery and the importance of knowledge in everything he does. In addition, this study can also gather information about the sharing of opinions and hopes for young people who are interested in entering the field of acting in order to be an inspiration to them to continue to fight for their dreams. Therefore, the writing of the article can provide exposure to the performing arts, films, and life journeys of selected figures in the country's entertainment industry. In addition to this, this study can help add information about the country's acting arts.*

*Keywords: Eman Manan, oral history, acting arts, interviews, career experience, figures*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|


Penghargaan........................................................................................ i
Senarai Abbreviasi.................................................................................. ii
Senarai Singkatan.................................................................................... iii
Rujukan Kata........................................................................................... iv-v
Abstrak.................................................................................................... vi-vii
Isi Kandungan.......................................................................................... viii-x
Biodata Penembual.................................................................................. xi-xiii
Biodata Tokoh.......................................................................................... xiv-xv
Pengenalan............................................................................................... xvi-xvii
Transkrip.................................................................................................. 01

Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.............................................. 02-10
Bahagian B: Pendidikan ............................................................... 10-18
Bahagian C: Sejarah Permulaan.................................................... 18-37
Bahagian D: Pengalaman Kerjaya................................................. 38-58
Bahagian E: Pencapaian................................................................ 58-61
Bahagian F: Sumbangan................................................................ 61-63
Bahagian G: Harapan.................................................................... 63-71

Lampiran.................................................................................................. 72

Log Wawancara............................................................................. 73-84
Ralat.............................................................................................. 85
Glosari........................................................................................... 86-90
Diari Kajian................................................................................... 91-92
Senarai soalan............................................................................... 93-97
Surat Perjanjian............................................................................. 98
Indeks............................................................................................ 99-101

Bibliografi........................................................................... 101-103
Gambar................................................................................ 104-105

# BIODATA PENEMU BUAL

# BIODATA PENEMU BUAL 1



*Gambar 2: Siti Nur Huwaida binti Mohamed*

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Siti Nur Huwaida binti Mohamed |
| Umur | : | 23 tahun |
| Tarikh lahir | : | |
| Tempat lahir | : | Kemaman, Terengganu |
| Nama Ayah | : | |
| Nama Ibu | : | |
| Alamat | : | Kemaman, Terengganu |
| Nombor telefon | : | |
| E-mel | : | |
| Universiti | : | Universiti Teknologi Mara UiTM |
| Bidang | : | Pengurusan Maklumat |

# BIODATA PENEMU BUAL 2



*Gambar 3: Umie Izzati binti Ismail*

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Umie Izzati binti Ismail |
| Umur | : | 22 tahun |
| Tarikh lahir | : | |
| Tempat lahir | : | Kuantan, Pahang |
| Nama Ayah | : | |
| Nama Ibu | : | |
| Alamat | : | Rompin Pahang |
| Nombor telefon | : | |
| E-mel | : | |
| Universiti | : | Universiti Teknologi Mara UiTM |
| Bidang | : | Pengurusan Maklumat |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



*Gambar 1: Abd Manan bin Embong*

| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Abd Manan bin Embong |
| Nama samaran | : | Eman Manan |
| Umur | : | 66 tahun |
| Tarikh lahir | : | |
| Tempat lahir | : | Terengganu |
| Nama Ayah | : | |
| Nama Ibu | : | |
| Alamat | : | Kuala Terengganu, Terengganu |
| Nombor telefon | : | |
| E-mel | : | |
| Profesion | : | Pelakon |
| Bidang | : | Industri Seni Lakonan |
| Pendidikan | : | Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman (Tingkatan Enam) |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Dokumentasi sejarah lisan merupakan satu subjek yang mementingkan pemeliharaan sejarah yang tidak dapat direkodkan sebelum ini, dan juga sebagai memori kepada peristiwa yang telah dijadikan sesuatu bukti sejarah. Di samping itu, sejarah lisan juga membantu memperkayakan sumber-sumber sejarah dan sebagai bahan pendidikan kepada generasi sekarang dan generasi akan datang. Sejarah lisan yang direkodkan ini sangat berguna kepada persatuan-persatuan sejarah lisan di negara kita bagi memudahkan maklumat diperolehi melalui wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan kebijaksanaan penemubual akan membantu tokoh yang diwawancara untuk memberi maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada artis veteran terkenal tanah air yang mempunyai pengalaman dan ilmu pengetahuan mengenai bidang lakonan. Pengalaman dan ilmu pengetahuan beliau dalam bidang seni lakonan mempunyai nilai yang amat berguna pada masa akan datang. Sehingga kini, kepentingan sejarah lisan telah dibuktikan dapat memberi nilai kebolehpercayaan dan ketepatan yang tinggi penggunaannya kepada masyarakat zaman sekarang. Di samping itu, melalui dokumentasi ini ia dapat memberi pendedahan tentang ilmu lakonan kepada masyarakat. Hasil wawancara bersama Tuan Abd Eman bin Embong telah banyak memberi maklumat tentang pengetahuan berkaitan ilmu lakonan, pengalaman hidup dan pencapaian beliau supaya dapat terus diketahui oleh generasi sekarang dan mahupun akan datang.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama- sama kami ialah Tuan Abdul Manan bin Embong atau lebih dikenali sebagai Tuan Eman Manan yang merupakan seorang pelakon veteran terkenal tanah air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 Januari 2023 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 8:30 malam di platform whatsapp. Temubual ini dikendalikan oleh Umie Izzati binti Ismail dan Siti Nur Huwaida Mohamed. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**Petunjuk:**

**EM**: Eman Manan

**SNH**: Siti Nur Huwaida

**UI**: Umie Izzati

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**SNH : Apakah nama sebenar tuan?**

EM : Baik, Saya diberi nama oleh keluarga sama dengan ayah atau mak saya dengan nama Abdul Manan. A-B-D M-A-N-A-N bukannya A-B-D-U-L A-B-D saja A-B-D M-A-N-A-N bin Embong. Orang dulu suka nama anak-anak mereka ataupun waris keturunan mereka dengan nama-nama yang ada dalam Al-Quran dalam kitab nama-nama tuhan Ya Hanan, Ya Manan kan? Dan Abdul di depannya dan Embong apabila nama Embong disebut kebiasaannya kemungkinan hampir seratus peratus bahawa orang itu mesti berasal dari Terengganu. *Okay* (baik), Apa lagi?

**SNH : *Okay* (baik), soalan kedua adakah tuan ada nama timangan atau nama gelaran**

**tuan sendiri?**

EM : Baik, cerita nya begini, saya tiada nama gelaran lain itu sahaja Eman Manan. *okay* (baik)-- Saya berkenal dengan Rahim Razali pada tahun lapan puluh empat waktu itu Rahim Razali nak buat filem- filem yang melibatkan persilatan dalam filem itu, lalu Rahim Razali berjumpa dengan guru silat di Kuala Lumpur. Guru silat ini Pa Ku, Ku Muhammad bin Ku Mustafa. Ditakdirkan oleh Allah SWT, guru silat ini guru silat saya. Saya mempelajari silat dengan Ku Muhammad bin Ku Mustafa. Mesra kami memanggilnya Pak Ku. Satu hari Rahim razali berjumpa dengan Pak Ku tadi di gelanggang tanya Pak Ku. "Pak Ku sekarang ada murid ke tidak, saya nak buat filem?" Kata Pak Ku "ada". Ewah, ada dia kata "*so*rang". Nak jumpa saya. Masa itu saya bekerja di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Kuala Lumpur sebagai seorang pegawai. Di tempat saya kerja ialah dipanggil Wisma Keramat jalan Geni waktu itu Kuala Lumpur sekarang ditukar kepada Jalan Semarak dan bangunan itu ditukar kepada Wisma Ukur-- tengah saya bekerja suatu hari, guru silat itu datang berjumpa dengan saya, dia panggil saya Encik padahal saya anak murid dia, dia kata "Encik Manan boleh tak datang ke gelanggang" iaitu di Kompleks Budaya Negara, gelanggang tu.. tak jauh dari bangunan parlimen budaya negara - budaya apa ni. Budaya KBN Kebudayaan Belia dan Sukan Tempat gelanggang itu ialah di Kompleks Budaya Negara sekarang ini disahkan menjadi bangunan ISWARA, bangunan ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan], Akademi Seni Warisan, dulu dipanggil sebagai kompleks budaya negara, tempat belajar teater,belajar menari, belajar musik bagai-bagailah. Dan saya disana belajar terlibat dengan persilatan.. Dia kata "Rahim Razali nak jumpa nak buat filem", lalu saya pun pergi, pergi petang Rahim Razali sampai datang jumpa saya. Kemudian buat appoinment, "satu dua hari lagi kita akan jumpa" dia cakap. *Okay* (baik)—"tapi saya nak awak tukar nama awak Abdul Manan itu, tak laku buat filem" *so* dia mengajak saya pada hari yang jumpa itu---pada hari itu, dia bercakap kepada saya, Besok (esok) atau pun lusa saya dah lupa beberapa hari selepas itu, kita pergi--- "saya datang ambil awak kita pergi makan tengah hari ta-tapi saya nak awak tukar nama awak daripada Abdul Manan saya tak nak nama Abdul Manan tak laku dalam filem tak glamor tak

komersial" macam-macam la. Saya kata "*Okay* (baik) baik saya balik rumah dalam dua tiga hari tak fikir langsung "nama apa nak aku pakai ini" sebab saya tak tahu dan saya bukannya nak jadi pelakon sangat pun saya dah ada kerja. Saya kerja pegawai di kementerian kebudayaan. Oleh kerana kehendak guru yang sebegitu rupa saya kata "*okay* (baik)lah trylah" dan saya juga sudah berlakon teater, *okay* (baik), saya tak fikir apa benda aku nak letak nama aku tak pandai..*okay* (baik) -- bila kami pergi makan tengah- hari yang dijanjikan.. Rahim Razali pun tanya dalam kereta ingat lagi "awak dah dapat nama?" Saya kata" tak, tak reti nak letak nama apa benda ni." Dia tanya saya, "ayah awak nama apa" saya kata "nama Embong" "*okay* (baik)" Terengganu darul apa saya kata "darul Iman" *okay* (baik). "E tu nama ayah awak Man tu nama negeri awak dia kata jadi saya bagi nama awak E-man Manan. Awak suka tak?" Dalam hati saya "sedap pulak bunyinya", saya cakap *so*rang ke ni apa ni?

SNH : Betul tuan

UI : Sedap nama tuan

EM : Saya kata dalam hati saya sedap pula nama ni, "awak suka" dia kata, "awak setuju" "boleh lah" ha jadi itulah bermulanya nama E-man, E tu Embong Man tu darul Iman kemudian nama saya Manan. Jadi saya letakkan nama, Rahim Razali letakkan nama ayah saya dahulu,kemudian nama negeri dahulu kemudian baru nama saya, satu penghormatan kepada ayah saya dan jugak (juga) kepada tempat lahir saya, ada setengah orang kata saya lupa nama ayah saya, sebab dia tak tahu cerita inikan? Jadi begitulah ceritanya nama timangan saya atau nama glamor saya ataupun nama dalam filem saya, Eman Manan dan nama ini disebut dipanggil setiap lapisan peminat seluruh yang meminati saya dan yang tak minat pun panggil Eman Manan juga - *okay* (baik).

UI : Banyak maksud nama tuan

EM : Ha itulah bendanya *Okay* (baik). apa lagi

**SNH : *Okay* (baik) untuk *so*alan seterusnya,boleh kah saya tahu bila tarikh lahir tuan?**

EM : *Okay* (baik)- tarikh lahir saya, saya bagitahu la awak, saya orang Terengganu, kampung, salah kampung--kampung yang takde [tiada] elektrik takde [tiada] air apa semua, beranak pulak awal, jadi waktu itu, rasanya takde orang yang beranak hari tu pergi daftar hari tu, takde kot yang macam sekarang ni takde [tiada] agaknya kan? Jadi mungkin saya terlewat sikit daftarnya, tapi tak berapa, tapi tak, saya kurang tahu bila tanya keluarga dia pun tak tahu apa semua, dan tarikh lahir yang tercatat pada kad pegenalan saya ialah pada

**SNH : Kiranya umur tuan pada tahun ni enam puluh**

EM : Hampir enam puluh, bulan dua nanti,bulan depan nanti, dua puluh lima tahun jangan lupa ucap selamat - hari lahir kepada saya, ucapan tak penting hadiah tu penting ye

SNH : Insyaallah tuan

EM : *Okay* (baik).

UI : *Okay* (baik) tuan

**SNH : Kalau sekarang ni tuan menetap dekat mana ye?**

EM : Saya menetap dua tempat, satu saya ada rumah di Terengganu, selalu balik kampung dan satu lagi di Kuala lumpur, bidang saya ni pusat hanya di Kuala Lumpur, saya tidak boleh menetap di Terengganu sebab pusat segala-galanya di Kuala Lmpur, pusat stesen tv di kuala lumpur, pusat kalau dulu lah ye pusat media, surat khabar, majalah, sampul apa begitu begini semua di kuala lumpur, *company-company* (syarikat-syarikat) semuanya *company* (syarikat) hiburan tadi yang melibatkan dengan penerbitan drama ke filem ke semuanya kebanyakannya di kuala lumpur, jadi kalau nak *too serius* perlu berada di Kuala Lumpur pada masa-masanya, jadi sekarang ni dua tempat iaitu Terengganu dan di Kuala Lumpur, *okay* (baik) umie

UI : *Okay* (baik) tuan

EM : Cergas-cergas sikit

**SNH : Sekarang tuan menetap dengan siapa ye?**

EM : Saya menetap dengan oo *so*alan ni banyak mananya ye, awak ni ye

SNH : (ketawa) Tuan boleh .

EM : Awak, awak dah macam *reporter* (wartawan) (ketawa) surat (ketawa)

UI : Ada banyak tuan *so*alan

EM : *Okay* (baik) takpe tanya sajalah, yang saya tak jawab, saya tak jawab, nanti *okay* (baik)

SNH : *Okay* (baik), boleh tuan

EM : Tanya, awak nak tanya, tanya sajalah,sekarang saya menetap dengan siapa,*okay* (baik) sekarang saya menetap *so*rang-*so*rang

**SNH : *Okay* (baik) *so*alan seterusnya, apakah yang tuan suka lakukan untuk mengisi masa lapang?**

EM : *Okay* (baik), salah satu hobi yang sangat saya sayang dan hobi ni payah nak melekat pada saya, sangat susah tapi saya ambil masa supaya hobi ini menjadi rutin hari-hari ialah membaca, saya suka membaca dan saya suka mengambil tahu sesuatu perkara dan apabila saya nak tahu dengar sesuatu perkara, saya mesti tahu benda itu saya tak suka nak bercakap ko*so*ng nak cerita contohnya, contohnya, *okay* (baik) nak bercakap pasal Israel misalnya, *okay* (baik), saya perlu tahu Israel ni apa ye.. Bila ye di mana ye siapa ye dan cari bahan cari bahan oo. *Okay* (baik) Israel maknanya apa Israel siapa gelarannya kepada nabi Allah Yaakob anak kepada nabi Allah Ishak Bapa kepada Nabi Allah Yu*so*f itu digelarnya bani Israel tadi *okay* (baik) kenapa bila ditubukan begitu begini cari buku baca buku *okay* (baik) aa zionis tu apa begitu begini saya dapat lengkap maklumat, *okay* (baik) bila orang bercakap pasal Israel, saya bukan hanya tahu Israel itu saja yang tidak suka islam tapi juga dapat tahu bila dia mula dari mana asalnya Israel golongan Israel tadi tu daripada Baghdad misalnya dari sungai Emeretus, dia, dia dipanggil golongan panggil orang Hebrewni dipanggil dari Israel

tadi yang menyeberang sungai dan begitu pula unsur-unsur lain dengan perkara-perkara lain dan seorang pengarah hebat di Hollywood mengatakan apabila ditanya kepada mereka apabila ditanya kepada dia bagaimanakah menjadi pelakon yang baik, pengarah hollywood ini menjawab dua perkara, banyakkan membaca dan beraksi, beraksi itu maksudnya bersukan. Bersukan di situ supaya badan sihat, kita punya sensitiviti kita, macam-macamlah apatah lagi saya banyak terlibat dengan aksi perlu badan sentiasa *fit* (sihat) dan juga membaca, membaca tu banyak perkara bagi seorang pelakon. Salah satunya ialah memperkayakan *so*alan *grammar* (tatabahasa), nahu dan juga tatabahasa ataupun *vocabulary* (kosakata). Apabila pelakon itu tahu dan mahir nahu dan *vocabulary* (kosakata) nya tinggi maka dia akan lagi senang memahami naskah atau skrip yang ditawarkan memahami karektarnya dan juga dia akan senang nanti untuk menempal dialog-dialog di dalamnya kerana dia sudah tahu nahu yang betul dan maksud setiap ayat-ayat. Yang kedua saya suka bersenam, bersenam berjoging, bersenam dalam rumah saya tidak boleh kalau saya rasa badan saya sedikit ee berat ee berat lah eh badan aku, kalau perut dah rasa naik tu apa sikit. Jadi menjadi hobi kepada saya itu, tiga membaca,bersenam. Baru dua eh?

UI : Baru dua

EM : Sa… Saya juga suka duduk *so*rang-*so*rang.. *Okay* (baik) duduk *so*rang tanpa apa-apa duduk *so*rang je, duduk *so*rang cari ilham ke tak duduk *so*rang je. duduk *so*rang (tak jelas) entah apa-apa yang datang tu iyelah *okay* (baik)lah duduk tenang release apa semua,mungkin orang yang kerja dalam bidang saya ni perlu begitu mungkin tiga yang keempat saya suka berjalan-jalan suka pergi ke tempat orang tengok orang pergi ini pergi itu ingin tahu ke kampung sesuatu kampung saya akan tanya kalau kampung tu nama A saya akan tanya apa maksud A tadi tu siapa yang buka kampung ni bila kampung ni buka berapa penduduk kampung ni pengetahuan itu misalnya tadi awak cakap tadi awak pergi menonton 'Mat Kilau', *okay* (baik) bila berlaku 'Mat Kilau', 'Mat Kilau' berlaku masa pemberontakan Tembeling, bila bermulanya pemberontakan Tembeling, pemberontakan Tembeling berlaku pada tahun lapan belas sembilan puluh tiga, siapa waktu itu terlibat pemberontakan Tembeling, Dato

Bahaman, siapa terlibatnya, Mat Kilau anak kepada Tok Gajah, siapa Tok Gajah, Iman Perang Rasul, Gelarannya. Kuburnya di mana di Terengganu di Pasir Nering, Kuala Berang. Belajar dengan siapa ni, dan saya suka menonton, menonton ni berbagai-bagai terutamanya menonton sesuatu yang memberi - ilmu ke memberi kelegaan ke dan salah satu tontonan yang paling saya suka ialah menonton bola sepak daripada England (EPL) dan *okay* (baik) mana-mana perlawanan antarabangsa punya bola sepak, saya suka pada bola sepak, kenapa saya suka bola sepak, bola sepak ini ia bermain pada masa yang sudah dijadualkan, pada masa yang ditentukan, kata kan satu jam setengah dalam ruang lingkup padang yang dah ditentukan besar mana padangnya dalam masa ini pemain bola sepak harus dalam tempoh masa itu, dia harus berlari, dia harus berfikir aa dia harus berfikir dia harus menyerang dia harus bertahan dia harus macam-macam dalam keadaan berlari, jadi seorang pemain bola sepak memerlukan seseorang yang bijak, seorang yang kuat semangat, bukan hanya pandai di kaki juga sangat bijak dan pintar di otaknya, barulah negara itu boleh melahirkan pemain yang bagus.. *Okay* (baik) *okay* (baik) umie seterusnya

SNH : **Untuk *so*alan seterusnya boleh saya tahu siapakah nama ayah dan ibu tuan?**

EM : *Okay* (baik). ayah saya bernama Embong bin Muhamad. Haji lah, saya tak yah sebut haji lah. Sudah meninggal pada tahun dua ribu satu pada lingkaran atau pada umur antara sembilan puluh tiga sembilan puluh lima tahun. Dia meninggal pada pagi Khamis pada pukul sembilan dua puluh tujuh minit pagi. Dia meninggal di atas riba saya. Ayah saya. Habis umurnya Allah Taala menariknya di atas riba saya di depan adik beradik saya. Jadi arwah ayah saya menghembuskan nafasnya yang terakhir di atas riba saya. Haji Embong bin Muhamad. Mak saya bernama Wok. W-O-O-K, Wook binti Muhamad juga. Macam saya kata tadi, orang tua suka bagi nama sandar kepada nama nabi kan? Nama malaikat, nama dalam kitab, nama para sahabat, nama para isteri nama para anak-anak Rasulullah SAW begitu, Mak saya meninggal awal semasa saya masih budak. Awal dia meninggal.. Aaa Mak saya meninggal setelah melahirkan adik saya. Adik saya berumur katanya lima enam bulan begitu begini mak saya meninggal lama lah tu dan dibesarkan bersama dengan kakak-kakak yang

menyayangi kami sayang saya dan saya sayang mereka. Kakak-kakak saya para-para hajah dan abang-abang saya alhamdulillah. *Okay* (baik) umie, *Okay* baik) Siti

**SNH : Salam takziah tuan, untuk *so*alan seterusnyaboleh saya tahu berapakah bilangan adik-beradik tuan?**

EM : Aaa *okay* (baik), saya seorang hamba Allah yang sangat-sangat beruntung sangat beruntung di samping orang lain. Saya sangat bersyukur kepada Allah SWT saya ditakdirkan dalam keluarga ini salah seorangnya sebabnya saya mempunyai keluarga yang sangat besar apabila mak saya meninggal, arwah ayah saya kahwin baru, kahwin dengan gadis sunti, berumur belum lapan belas tahun ayah saya waktu itu hampir enam puluh tahun.. Kahwin seorang dara anak dara tak jauh dari rumah di kampung, hasil perkahwinan allahyarhamah pun dah meninggal ni mak tiri saya pun dah meninggal, Hajah Zainab namanya mak tiri saya ni meninggal, hasil perkahwinan ayah saya dengan beliau, ada tujuh orang anak, saya dengan keluarga yang satu mak satu ibu, seramai lapan, lapan campur tujuh saya ada lima belas orang adik beradik satu keluarga yang sangat besar

UI : Sangat ramai

EM : Lima belas orang-- Perempuan yang ramai, perempuan sembilan orang, perempuan ada enam campur tiga sembilan orang lelaki ada yang sulung bernama Abdul Wahid yang kedua nama Muhamad yang ketiga nama Man*so*r yang keempat saya yang kelima yang kelima adik saya Ramli, Syukri, itulah sembilan perempuan enam lelaki, yang masih ada lelaki, dua sudah meninggal abang saya lelaki, masih ada satu dua tiga empat lagi yang perempuan satu meninggal jadi kayak saya yang paling sulung sekarang berada di Dungun, Terengganu berumur kurang lebih lapan puluh enam atau lapan puluh tujuh tahun dan alhamdulillah sihat nampaknya.. *okay* (baik)

**SNH : Kiranya tuan anak keberapa ya dalam keluarga?**

EM : Saya anak ketujuh, yang pertama perempuan yang kedua lelaki yang ketiga perempuan yang keempat lelaki yang kelima perempuan yang keenam lelaki yang

ketujuh lelaki yang kelapan lelaki dan ayah saya kahwin dengan yang baru dapat anak yang pertama perempuan kedua perempuan ketiga perempuan keempat perempuan kelima perempuan keenam lelaki ketujuh perempuan. Jadi saya ada enam belas orang adik beradik, enam orang lelaki sembilan orang perempuan. *Okay* (baik)

**SNH : Selain tuan ada tak ahli keluarga yang terlibat dengan industri seni?**

EM : (ketawa) *okay* (baik) saya dari kecil dulu, budak-budak lagi -- Siti. Saya seorang sahaja jadi seorang pelakon

UI, SNH : *Okay* (baik) tuan

**TAMAT BAHAGIAN A**

**BAHAGIAN B: PENDIDIKAN**

**SNH : *Okay* (baik) sekarang kita beralih ke bahagian pendidikan. Untuk pendidikan tuan,boleh saya tahu bilakah tuan mendapat pendidikan awal?**

EM : Saya diberanak di Kampung Atas Tol nama kampung ni dua perkataan A-T-A-S T-O-L. Saya beranak di Kampung Atas Tol, Kuala Terengganu. Jarak kampung saya dengan Kuala Terengganu lebih kurang dua belas kilometer. *Okay* (baik), di sekolah saya ada satu sekolah rendah dulu nama sekolahnya Sekolah Kebangsaan Pengadang Buluh dulu mukim Pengadang Buluh ni mukim bukan kampung ye sekarang ni bila dah berubah orang dah ramai apa semua dijadikan kampung, kampung dah tiada sekolah itu, sekolah itu mewakili kampung sahaja Sekolah Kebangsaan Atas Tol sahaja, jadi saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Atas Tol daripada darjah satu sampai darjah enam *so* [jadi] masuk darjah satu sekolah sampai darjah enam. Darjah enam saya diminta oleh famili bersekolah inggeris nak tak nak sekolah inggeris. Jadi saya terus sambung ke pelajaran saya ke sekolah menengah tengku Bariah di Kampung Pasir Panjang, Bukit Besar, Kuala Terengganu. Bila sampai *form five* (tingkatan lima), saya ambil HSC dan saya dapat sambung belajar ke tingkatan enam

saya tak nak pergi masuk Universiti ni apa semua kawan-kawan pergi ke sana ke sini saya masa tu tak nak tak berani  tak berani ataupun sayang tinggalkan kampung agaknya *so* saya masuk tingkatan enam sambung sekolah form six [tingkatan enam] di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Batu Buruk, Kuala Terengganu, bukan bukan Batu Buruk, Kuala Ibai, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Kuala Ibai, Kuala Terengganu masuk *lower six* (enam rendah) dulu dia panggil sekolah tingkatan enam rendah sampai ke tingkatan enam atas dan ambil HSC waktu itu, bukannya STP, HSC saya dapat *full cert, full certificate* (sijil penuh) tapi tak nak sambung waktu itu *so* kerja situ ha itulah saya, itulah pendidikan saya, pendidikan formal saya

**SNH : Kiranya sewaktu tuan mendapat pendidikan adakah tuan ada mendapat pencapaian pada zaman sekolah terdahulu ataupun tuan aktif dalam apa-apa bidang?**

EM : Saya dari darjah satu sampai darjah enam tiap-tiap tahun saya merangkul nombor satu

SNH : Tahniah tuan

EM : Darjah satu sampai darjah enam akhir penggal nanti mesti dapat hadiah punya - - - - - darjah satu sampai darjah enam dan adik-beradik saya macam tulah abang saya macam tu juga pendek kata akhir tahun nanti dapat hadiah buku, pensel warna, darjah satu sampai darjah enam,

**SNH : Ada *so*alan lagi, boleh saya tahu cita-cita tuan semasa di bangku sekolah?**

EM : Cita-cita saya tiga dulu kita ada kad report *okay* (baik), kita kena masukkan dalam kad report cita-cita nak jadi apa bila besar nanti, *okay* (baik) bila habis sekolah nanti saya pilih tiga cita-cita saya. Pertama sekali saya nak jadi doktor sebab saya nak ubat orang sakit. Kedua nak jadi polis sebab nak tangkap orang jahat, Ketiga nak jadi askar sebab nak tembak komunis tapi bila saya jadi pelakon saya boleh jadi ketiga-tiga sekali, *okay* (baik) apa lagi Siti?

**SNH : Kiranya sewaktu di peringkat sekolah tuan terlibat dengan mana-mana aktiviti lakonan atau nyanyian ke?**

EM : Takde, takde [tiada] saya nyanyi gagal, takde suruh saya main gendang boleh suruh saya main gong boleh suruh saya main gitar suruhlah, *okay* (baik) semasa saya sekolah dulu darjah satu sampai darjah enam saya mewakili sekolah saya semua, bukan darjah satulah bila saya masuk darjah enam tu, semua sukan kampung sekolah semua saya wakil main apa main ping pung main badminton main hoki,takraw semua saya wakil sekolah bagi sukan, nakal tak nakal zaman sekolah dulu dan semuanya mewakili sekolah dan saya dulu yang paling bagus dulu main hoki dan main bola

**SNH : Untuk masih di pendidikan, bahagian pendidikan semasa di peringkat sekolah tuan ada mengadakan, sekolah tuan ada mengadakan anjuran seni lakonan?**

EM : Takde, semasa saya disekolah Menengah Tengku Bariah sampai tingkatan lima, saya agak aktif dengan persatuan, *okay* (baik) pengerusi persatuan apa semua dan masa tingkatan enam juga saya sekali lagi juga yang senior-senior sebelum masuk lower six (enam rendah) ini, senior pada waktu itu yang tingkatan enam atas yang tahun depan dia habis sekolah, mula dah lantik saya mengganti dia menjadi persatuan presiden agama islam sekolah menengah sultan sulaiman, presiden persatuan bahasa Malaysia sekolah menengah sultan sulaiman waktu itu, jadi sudah agak aktif waktu itu, dan masuk debat mewakili sekolah, pertandingan sekolah saya dah lupa sekolah mana lawan debatnya agak aktif di sekolah, mewakili sekolah debat,sukan pegang ahli persatuan dan tapi tidak berlakon saya mula berlakon semasa saya tingkatan enam apabila masuk tingkatan enam kami duduk di asrama apabila nak berpisah diadakan jamuan tahunan kan? *Student-student* (pelajar) tadi aaa anak-anak murid buat jamuan, jadi pada malam persembahan tu sebelum kita berpisah tu ada persembahan-persembahan dan saya pada waktu itu kali pertama saya, tu kali pertama atau kali kedua saya terlibat di pentas lakonan pentas kita reka sendiri begitu begini apa semua cuma saya sudah biasa di pentas dah biasa berdebat dan saya biasa berucap pengerusi persatuan kat sekolah aa disitu keberanian berdepan dengan orang itu, secara tidak langsung dah dididik atau ataupun sudah didedahkan alhamdulillah

*okay* (baik).

**SNH : Kalau tuan masih ingat peristiwa yang menarik semasa tuan di bangku sekolah, mungkin tuan boleh *share* (kongsi) dengan kami?**

EM : Ooo banyak sekali, ni Siti kan?

SNH : Saya Siti

EM : Siti, saya sekolah tadi saya sekolah di kampung *okay* (baik), kampung masa itu saya masih sekolah pada tahun enam puluh tiga, enam puluh tiga ke enam puluh empat begitulah, waktu itu kampung elektriksiti tak ada paip air semua tak ada *okay* (baik) sekolah saya bukan hanya anak murid sekolah saya sahaja dan bukan hanya anak muridnya dari kampung saya sahaja kampung-kampung sebelah yang dalam satu kilometer, dua kilometer, tiga kilometer, daripada kampung semuanya sekolah dekat sini. Jadi kat rumah mereka pada waktu itu orang kampung masih lagi hidup dengan budaya kampung terutamanya tandas, jarang rumah yang ada tandas, awak agak pelik dengar kan

SNH : Agak pelik dengar tuan

EM : Dia buang najis dalam semak apa semua waktu itu, *okay* (baik) tiba-tiba masuk sekolah dan mereka kena buang najis di dalam tandas ada yang masuk tandas kawan-kawan saya yang tak buang najis dalam tandas buang kat tepi tu je, tak pandai yang dari kampung-kampung luar tadi tu dan ada juga yang buat air besar dalam kelas sekolah kerana takut nak ke kelas, tiba-tiba kami tengah belajar ada bau najis maaf bercakap bau tahi, cikgu tanya siapa yang bau ni, tengok, orang terengganu kata berjabok [semerbak] bau - - - - - najis budak-budak ni darjah satu darjah dua darjah tiga ni kan? Dan suatu hari sekolah saya ni tepi jalan jadi saya ni boleh senang nampak kenderaan di jalan sana suatu hari nanti saya suka duduk barisan depan masa sekolah dulu saya tak suka duduk belakang saya rasa duduk depan nampak senang, senang ingat, senang ini jadi tiba-tiba saya dengar bunyi macam orang melompat pintu kat belakang saya ni tengah duk belajar ni, lompat pagar lompat bangku lompat

kerusi apa semuanya, saya pusing kat belakang, saya tengok tujuh lapan orang sekelas dengan saya waktu itu kami darjah dua, darjah dua tujuh lapan orang kat [di] belakang saya tu bangun lari melompat tingkap capai dia punya beg sekolah dan terus lari meninggalkan sekolah lari ke dalam semak sana ke kampung dorang dan tak datang sekolah besok, kenapa saya kata kenapa dorang ni, saya terpandang ke jalan raya saya nampak van kesihatan masuk, kesihatan masa tu datang nak check gigi, nak check kaki nak tengok ada kudis, *okay* (baik), cacing ada ke tak ada dalam perut, habis berak merata dalam semak apa semua tapi apabila orang kampung ni tengok van kesihatan datang kereta kementerian kesihatan datang masa tu palang merah belum ada lagi, dia orang melompat lari ketakutan apatah lagi nak di *inject* (suntik), tu antara pengalaman-pengalaman yang sangat-sangat berharga dalam hidup saya yang saya ingat kenapa saya ingat saya nak membandingkan pola perubahan zaman itu cepat sekali waktu ini waktu dulu zaman saya orang masih takut nak tandas dalam tandas tapi sekarang masyarakat baru sekarang umur dua tahun setahun mereka dah pandai senyum dah pandai itu,dulu anak-anak yang berumur setahun dua tahun ni, tengok orang pun takut lari, kudis penuh atas kepala, telinga bernanah, vitamin tu tak cukup, vitamin ni tak cukup, waktu itu, makan tu tak cukup makan ni tak cukup, jarang anak-anak yang kudis kepalanya tak berkudis, telinganya bernanah, ha saya alhamdulillah telinga tak bernanah, kudis tidak, tapi kawan-kawan lain waktu itu, bila besar baru tahu kenapa, vitamin tu tak ada, vitamin ni tak cukup dalam badan dari segi kesihatan tidur pakaian macam mana kat rumah, bukan macam sekarang ada washer machine ada itu apa semua, *okay* (baik) padahal waktu itu harga barang sangat murah, misalnya dulu belum ada apa ni kilo-kilo ni, kati kahil gula lima puluh sen sekati saja, satu kati lebih dari satu kilo, satu kati mahal harganya kan satu kilo, barang murah tapi duit susah waktu itu, makan makanan apa yang ada bukan macam sekarang kedai belambak-belambak makan itu makan ini malam pukul sepuluh, gi makan lagi apa semua dulu pukul sembilan pukul sepuluh dah tidur, mana ada hiburan, elektrik tak ada, pakai lampu pelita, tv tak ada, saya ingat lagi masa saya nak ambil SRP [Sijil Rendah Pelajaran], LCE lah *lower certificate, Lower Certificate Education*, (sijil rendah) sekarang dipanggil SRP [Sijil Rendah Pelajaran] malam

baca saya baring saya letak pelita sebelah bantal saya sambil membaca untuk menghadap SRP [Sijil Rendah Pelajaran], takdir Allah SWT, saya terlelap tiba-tiba saya terasa panas menyebabkan saya terbangun, bila saya bangun saya tengok sebelah bantal saya sudah hangus, rupanya pelita sebelah saya terbalik terjatuh atas bantal, saya tak sedar, hampir hangus badan, apa dia

SNH : Kalau saya dah panik dalam keadaan macam itu

EM : Ini bukan nak cerita *so*al perasaan ya, ni *so*al suasana, *okay* (baik) suasana waktu itu, *okay* (baik) pengalaman waktu itu, jadi saya terbangun kawan bilik sebelah tak tahu, saya bilik sini, dia tak tahu apa yang berlaku, bangun tengok separuh bantal dah hangus dan api sudah, saya buka tingkap,rumah kayu rumah tinggi, ambil bantal campak ke luar dan lain-lain misalnya nak siapkan baju untuk pergi sekolah nak go*so*k *okay* (baik), pakai arang bakar dulu arang dekat dapur, cari dulu tempurung, kabut begitu begini,lalu panaskan dulu. Sekarang pergi sekolah dulu saya pergi sekolah darjah satu sampai darjah enam ayah hanya bagi sepuluh sen, *okay* (baik), dulu punya, sepuluh sen, sekarang budak-budak sekolah pergi sekolah berapa sen, dua ringgit lima ringgit sekolah rendah, pun tak bijak-bijak juga masuk sekokah menengah saya kayuh basikal lebih kurang empat belas kilometer satu hari, pergi --- *no no no* (tak tak tak), lebih kurang lapan belas kilometer satu hari

SNH : Jauh betul tuan

EM : Pergi sembilan balik sembilan kilometer, kayuh basikal selama enam tahun, dan ayah saya hanya bagi dua puluh sen, sekarang sekolah menengah berapa bawa?

UI : Sepuluh saya rasa sekarang,

EM : Sepuluh ringgit, kalau ada empat orang tak ke parah empat puluh ringgit satu hari, empat kali tiga dua belas ya, seratus dua puluh ringgit sebulan untuk anak pergi sekolah sahaja, belum lagi untuk itu untuk ini, anak pula tak berterima kasih,terima kasih kebanyakannya maksud saya tidak belajar main-main kat sekolah (kurang jelas) bapanya tapi dulu tengok dua puluh sen, akhir nya dapat biasiswa lima belas ringgit

sebulan ooo besar tu dik, biasiswa, scholarship, lima belas ringgit sebulan, lima puluh sen sehari ye tak? Besar saya ingat lagi dulu semasa menempuh MCE bukan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], MCE jadi petang kawan-kawan semua *stay back* (tunggu) maksudnya tunggu petang masuk library , nak study kat library, saya tunggu kat *library* (perpustakaan), dia orang pergi makan kat kantin cantik punya, saya duit dah tak ada punya, sebab dia orang daripada bandar Kuala Terengganu datang sekolah guna motorsikal dan kereta anak tauke batik, anak tauke *so*ngket, anak tauke bas, anak-anak Cina yang kaya-kaya semua kelas-kelas, saya dua tiga orang lagi ada lagi kawan saya tapi kami tak rasa sesuatu yang menyeksakan kami, saya tak rasa sesuatu yang menyeksakan saya, tak, saya ada kesedaran yang amat nyata pada waktu itu, bahawa ayah saya bukan orang kaya,keluarga saya bukan keluarga kaya, kami bukan orang mewah, jadi saya perlu berdepan atau menerima dengan penuh syukur apa yang ada, saya terima apa yang ada, saya tidak demand motorsikal dengan ayah, tak ada, biar saya suka tak ada motorsukal, kayuh basikal, selama enam tahun kayuh basikal ke sekolah bermacam-macam peristiwa bocor, tayar pecah, banjir, hujan, kasut dalam beg tak boleh nak pakai sebab kotor apa semua sampai ke jalan besar apa semua dah hampir dengan Pasir Panjang berhenti dekat paip air tumpang basuh kaki apa semua orang pakai kasut pakai stoking pengalaman itu sangat berharga agak keras, agak sangat memilukan sesiapa yang hidup dizaman itu, tapi kami dizaman itu tidak merasakan sesuatu keseksaan sebab kami tidak boleh bandingkan kemewahan semua orang macam tu saja. Macam tu semua macam tu sahaja, datang ke sawah alhamdulillah seronok, kasihan dekat dia yang menjaga kita begitu begini semua, kita tidak pulang sesuatu yang baik yang manis kepada mereka, saya harap berdua tidak begitu insyaallah, *okay* (baik) *so*alan seterusnya.

**SNH : Adakah tuan mempunyai impian untuk menjadi seorang pelakon semasa di alam sekolah?**

EM : Tidak, saya tidak pernah mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang pelakon. *Okay (baik)* (baik) saya selit sikit dua tiga hari lepas saya tengok Facebook. Saya cukup,cukup,cukup suka dengan *caption* (kapsyen) Facebook, dia letak azam tahun

baru seperti sampan, dia letak gambar sampan *okay* (baik), dia letak azam tahun baru umpam sampan dia letak gambar sampan biasa ke laut, dia ada dua maksud, sampan tu memang selalu ke laut kan? Jadi cita-cita tu semua hancur habis kebanyakkannya, macam saya bagi contoh awal tadi , cita-cita nak jadi askar nak jadi doktor nak jadi polis, satu pun tak ada, tapi bila menjadi seorang pelakon tiga-tiga tu saya boleh jadi, saya dulu tidak ada, saya dulu ingin terlibat dengan suatu cerita pada suatu masa ingin terlibat dengan bidang bahasa, mungkin menjadi pakar dalam bidang bahasa, sebab dulu saya suka dengar orang bercakap dengan idea-idea yang agak bernas dengan spontannya, dengan bahasa yang tepat, grammar yang tinggi, dengan istilah-istilah yang bagus, saya dulu suka dengar para-para profe*so*r bercakap, Profe*so*r Dr Ismail UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris], Khoo Kay Kim. Mereka menggunakan maklumat di dalam bahasa yang sangat tepat, tapi bila saya dah tak nak sambung belajar, duduk kampung sekejap apa semua, aktif dalam kerja-kerja kampung sosial masyarakat, saya sangat aktif dalam kerja *so*sial di kampung dulu, dulu persatuan belia sangat kuat, *okay* (baik), sekarang dah tak ada kerja gotong-royong membina kampung, menolong masyarakat kampung apa semua begitu begini apa semua, dan kampung saya Kampung Atas Tol pernah sewaktu saya masih tengah aktif pernah mendapat persatuan belia yang paling aktif di Malaysia dan saya yang pergi menerima anugerahnya di Kampung Parit Panjang di Sungai Petani, Kedah pada tahun sembilan belas tujuh puluh sembilan.

SNH : Tahniah tuan(ketawa) *Okay* (baik).

EM : Macam-macam aktiviti, aktiviti-aktiviti inilah yang akhirnya membina kita nanti penglibatan kita dalam pelbagai bidang kita yang secara tidak langsung akan mengheret kita, betul?

UI, SNH : Betul tuan

EM : Katakan sekarang awak terlibat dengan satu perstuan di universiti awak, sangat aktif katakan awak dari segi kerja *so*sial nanti bila awak besar nanti lepas keluar belajar,

kahwin nanti ada anak apa nanti perkara ini awak akan teruskan nanti, kebanyakan macam saya, begitulah kurang lebihnya, *okay* (baik)

UI, SNH : *Okay* (baik)

EM : *Okay* (baik) *next* (seterusnya) apa

**TAMAT BAHAGIAN B**

**BAHAGIAN C: SEJARAH PERMULAAN**

**SNH : Okay (baik), sekarang kita beralih ke sejarah permulaan tuan terlibat dalam dunia lakonan, untuk soalan pertama, bolehkah saya tahu pekerjaan pertama tuan sebelum bergelar anak seni?**

EM : *Okay* (baik) untuk pengetahuan, ini suara hampir sama ini siapa ya Siti atau Umie?

SNH : Saya Siti

EM : Siti,saya tidak suka (tidak jelas) saya sebenarnya tidak suka digelar anak seni. Saya tak marah awak tapi *statement* (kenyataan) saya, saya tidak suka digunakan istilah anak seni, kenapa, filem adalah suatu kerjaya, *okay* (baik), filem adalah gabungan antara seni dan juga sains, *art and science* (seni dan sains), melibatkan kehidupan kita hari-hari dan semua orang boleh terlibat. Filem adalah satu ilmu lakonan, lakonan adalah suatu ilmu yang ada di Malaysia, dan ada pusat pengajian tinggi dan ilmu seni ilmu lakonan bukan bersandar kepada bakat, saya tidak setuju kalau ada masih yang bercakap bakat, saya tidak bersetuju dari dulu lagi, saya lagi bersetuju menggunakan perkataan ilmu, mesti dtuntut bukan seperti rumput di tepi jalan,apabila dipotong ia akan tumbuh dengan sendiri, tidak kita harus pergi ke pusat pengajian tinggi, belajar secara formal atau tidak dalam bidang seni, kalau orang itu minat musik pergilah ke Madrid, New York ke London kah tidak boleh bagi lagi *by heart* (dengan hati) seperti mana - - - - dulu

walaupun dia hebat, ini keadaan zaman, perlu masuk universiti,perlu tahu note baca note dia menjadi satu ilmu, begitu juga dengan bidang lakonan, untuk menjadi pelakon yang baik dia seharusnya berilmu dalam bidang lakonan, bukan hanya bakat yang mengajarnya, setuju?

SNH : Setuju tuan

EM : jadi saya tidak, saya tak marah tapi statement saya tidak guna, saya tidak suka guna gelaran anak seni, saya lebih suka menggunakan istilah kerjaya, sesiapa pun boleh terlibat dalam bidang ini dan bukan asing bagi golongan tertentu sahaja, tidak, tidak, dia terbuka kepada semua golongan dan menegatifkan perspektif masyarakat dalam bidang ini ialah cara bekerja bidang ini tidak ada apa masalah pun cuma pengendali macam mana mengendalikan bidang ini supaya bidang ini memberi kontribusi, *contribution* (kontribusi), sumbangan kepada pembinaan ummah dan pembinaan masyarakat. Inilah peranan yang besar yang harus dimainkan oleh orang-orang dalam bidang ini perlu mengeluarkan karya-karya, perlu mengeluarkan hasil-hasil rekaan ciptaan yang lebih bermanfaat yang lebih besar yang lebih membina minda kita orang Melayu untuk menonton bukan hanya keluar cerita hantu sahaja, cerita hantu macam dah tak ada idea dah akan tetapi untuk lebih selamat hantu lebih baik jumpa dalam panggung wayang, jangan jumpa kat luar demam awak nanti,

SNH : (ketawa) Baik tuan

EM : (ketawa) jumpa dalam panggung wayang *okay* (baik) menjerit dalam panggung wayang jangan jumpa kat luar hantu ni… *okay* (baik), manusia ni pelik oleh kerana dia tak takut tak ada rasa takut dia nak bagi takut-takutkan dia, dia pergi tengok cerita hantu (ketawa) kemudian komedi, komedi tak habis-habis lelaki jadi perempuan, perempuan jadi lelaki nak bagi orang gelak. Kemudian gunakan agama untuk mengkomedikan unsur-unsur agama misalnya, dia tak berpuasa pada bulan Ramadan, dan dijadikan drama, apa ni? Kenapa, kenapa unsur agama dijadikan bahan, mainan ni, bagaimana agama lain tengok, Ooo.. orang Melayu pun tak puasa, orang islam pun tak puasa, tak larat nak berpuasa jadi saya sangat tidak bersetuju menggunakan agama sebagai suatu unsur yang nak

ketawakan orang carilah benda lain, carilah unsur lain yang orang boleh ketawa dan unsur seks misalnya di pertandingan di stesen tv yang menggunakan perempuan yang seksi sebagai bahan gelak ketawa kan?

SNH : Betul

EM : Saya tidak bersetuju, tidak bersetuju bukan maksudnya marah dia orang buat tapi aku tak kan terlibat dengan perkara-perkara sebegitu rupa, jangan jadikan perempuan sebagai bahan sundalan, gurauan dan ketawa itu bagi saya terutama dalam bidang seks perempuan itu - - - ulang balik *so*alan awak tadi

**SNH : Bagaimanakah tuan boleh terlibat dengan dunia seni?**

EM : *Okay* (baik), yang tadi selesai, saya tidak suka itu fahaman saya, *okay* (baik) nanti awak boleh tulis saya tidak suka menggunakan istilah anak seni dia macam terkongkong terpisah dengan masyarakat, hidup tumbuh oleh manusia sendiri *okay* (baik), daripada kecil saya, setelah saya besar ya, saya recall balik, saya ingat balik, zaman-zaman saya kecil, apa kegemaran saya, abang saya gemar ayam , membela ayam, saya tak gemar, kawan-kawan saya gemar menangkap burung saya tak suka, kawan-kawan saya suka mandi sungai, saya suka, kawan-kawan saya suka meredah hutan, saya suka, main perang-perang saya suka, suka bidang-bidang itu, kemudian tengok orang bersilat, zaman saya kecil saya suka tengok orang bersilat, tak tahu kenapa, memang kalau ada acara silat di kampung, saya di tepi gelanggang lah tengok, tengok jelah orang ni, tengok bukan tahu apa benda pun, tahulah dia orang tengah bersilat, kenapa apa benda dia jolok tangan sana sini langkah sana langkah sini sebab dulu setiap satu kenduri mesti ada persembahan silat dekat Terengganu, bukan untuk pengantin tapi untuk orang yang makan kenduri. Jadi disitu saya tengok suatu gerakan katakan contohnya umur saya enam tahun mula minat tujuh lapan sembilan bila sepuluh saya lagi nampak jelas ooo.. Dia orang bersilat kerana ini, kenapa tangan bergerak ooo.. Indahnya gerak ini ddan seolah-olah waktu itu ada suatu benda gerak geri silat itu dan mendekati kerja seni-seni yang lain ataupun persembahan seni-seni yang lain, salah satu lagi saya suka wayang kulit Ya Allah ya tuhanku wayang kulit cukup suka duduk kat depan tengok bila

Haruman Kera Putih keluar mengamuk Raja Si Rama keluar, Laksamana keluar, Sita Dewi keluar jadi rasa macam ooo…hiburan yang ada itu kami tak ke panggung wayang di bandar, kami di kampung saja, panngung wayang, sampai boleh ingat - - - - - masih ingat dan bila dewasa ooo.. Ini maksudnya ada-ada unsur ini rupanya siapa itu Wak Dogol di Kelantan kalau kat Terengganu siapa itu Pak Kadir, siapa itu Wok Long kalau di Kelantan, kalau di Terengganu siapa itu Pak Iman, rupanya bila besar bila dah agak dewasa bila mencari jawapan rupanya wayang kulit itu dari, persembahan Wayang Kulit itu penuh pengisian di dalamnya masyarakat tidak tahu, begitu juga dengan persembahan seni yang lain, yang saya tak tahu kenapa saya minat, adik beradik saya, orang-irang seni tapi mereka ada pesilat-pesilat juga lah,orang Melayu dulu di Terengganu jarang yang tak bersilat saja menghabiskan masa malam nak bergaduh pun, betapa petah dia bercerita melalui pantun-pantunnya bagaimana pula orang sekelilingya menonton dan apabila besar nanti apabila dah besar nanti mencari itu dikir barat, apa itu Tok Jowo, apa itu Tok Jowo tukang karut apa senmua, dan kenapa bila bermulanya *okay* (baik) jelas begini,begini,begini, dan apabila masuk sekolah menengah, masuk sekolah menengah waktu itu, sekali-sekala ada wayang datang kat kampung, wayang penerangan, untuk kerajaan sampaikan sesuatu berita, dia bawa van penerangan main wayang, *okay* (baik) jadi orang kampung pun keluar, tengok wayang dia pun berhenti, dia pun bersyarah maklumat dari kerajaan lah, misalnya dia tahu, minum air apa semua ni takde, dia pun dengar, lepas habis ceramah ni, sambung wayang balik, wayang itulah yang ditayang seluruh Malaysia, cerita yang sama, *okay* (baik), apabila saya dah mula ke sekolah menengah, dah pernah mula ke bandar, mula berani kayuh basikal ke bandar, geng-geng apa semua, mulalah kawan-kawan ajak tonton filem di panggung wayang di Kuala Terengganu. Masa itu ada panggung Rex, panggungg Aucatel, panggung Tapitor dan sebelah kampung saya juga ada panggung wayang dalam kampung tapi, tapi panggung wayang itu tak beratap, berpagar je, kalau hujan memang tak boleh main lah, sekali-sekala akan turun ke kampung itu, malam-malam kalau cerita-cerita yang agak menarik, kalau cerita yang kalau masa itu cerita cowboy, sukalah waktu itu, dan kurang meminati hindustan, dan apabila sampai berani ke bandar dengan kawan-kawan menonton saya mula memilih filem, saya pilih tiga kategori filem, lalau aku nak tengok filem cinta, aku

akan tengok filem Indonesia, *okay* (baik), kalau aku nak tengok filem fighting, lawan-lawan aku akan tengok filem China, kalau aku nak tengok cerita James Bond, cerita moden, aku akan pilih mat saleh, kenapa, filem Indonesia cukup faham dengan bahasa berbunga-bunga dengan mendayu dengan begitu begini, begitu begini begini kan, dengan bahasa sastera yang indah bahasa cintanya, "Kau lihat itu Sastika, kau lihat karang dan bulan sambil bercumbu dan ombak meronta sepi sendiri", ha tengok kata-kata, kata-kata yang mereka pilih, sangat puitis sangat dekat rasanya dan apabila tengok filem action, mereka sangat bersedia untuk membuat filem seni dia, filem silat dia, fighting dia dengan rakaman-rakaman dia yang hebat, dengan pelakon-pelakon dia waktu itu semuanya ada basic wushu, ataupun wingchun ataupun kungfu atau mereka, Alexander Fushen atau Wang Yu waktu itu, dan...akhirnya Bruce Lee akhirnya ha, semua filem Bruce Lee saya tonton, kagum sangat dengan Bruce Lee waktu itu, dan apabila terlibat sendiri dalam bidang ini, dan terlibat dengan filem aksi yang banyak, saya mulalah menolak Bruce Lee, tak ada benda Bruce Lee tu, rupanya, maksudnya saya dah mula kenal apa itu filem, bagaimanakah filem itu dibuat, dan apabila habis belajar apa semua, saya duduk di kampung, terbiar di kampung, kegiatan masyarakat, membantu kampung apa semua, berbagai-bagai bendalah, berbagai-bagai orang ajak, akhirnya minta kerja dan akhirnya dapat kerja, apabila dapat kerja di Kuala Lumpur, dan masa di kampung juga, kerana meminati silat, mulalah masuk ke gelanggang, mulalah masuk mempelajari silat,beberapa jenis silat, beberapa buah jenis gelanggang, kemudian datanglah ke Kuala Lumpur, dipendekkan ceritanya, datang ke Kuala Lumpur bekerja dengan kementerian belia dan sukan, dan berjumpa pula dengan guru silat, yang bernama Pak Ku, Ku Ahmad bin Ku Mustafa, dan dialah yang membawa paparkan kepada Rahim Razali, dan apabila Rahim Razali nak buat filem pertama, 'Matinya Seorang Patriot', hari pertama saya berjumpa dengan Rahim Razali, Rahim hampir masuk kereta dan nak tinggal tempat yang kami janji sebab saya sampai lewat, saya berkejar, Rahim dan masuk kereta, guru saya kata pergi cepat, cepat-cepat Rahim dah nak masuk kereta, saya berkejar pergi dan jarak saya antara Rahim sepuluh meter, saya pun panggil dia, Encik Rahim, "Assalamualaikum Rahim Razali, dia pun pusing, Saya Manan," waktu itu, saya ingat lagi saya pakai apa, saya pakai reben, orang muda, badan

tengah fit masa itu, dia pun keluar dari kereta, dia pun tengok kepada saya, atas bawah atas bawah dengan jarak jauh satu ayat sahaja, "*I see you tomorrow,*" dia masuk kereta dan bla [pergi] *so* guru tanya macam mana, dia tak suka saya kot, pasal apa, dia tengok saya terus balik, dia kata see you tomorrow, rupanya e*so*k dia datang, datang be*so*k (esok) itulah tadi, yang cari nama tadi, yang dia suruh tukar nama glamour tadi,*okay* (baik), dia tengok terus dia balik, rupanya be*so*k dia datang, datang be*so*k itulah tadi, yang cari nama tadi, yang dia suruh tukar nama glamour tadi, *okay* (baik), *so* [jadi] dia cadang kepada saya untuk tukar nama, saya kata saya tak reti nak tukar nama glamor apa benda ni, saya tak reti, tak payahlah (kurang jelas) tapi datang juga, dan saya fikir ada masa saya boleh bincang dengan dia nanti untuk pemilihan nama, tapi bila dia tanya saya kata saya tak buat, dia terus *okay* (baik) (kurang jelas), *okay* (baik) E depan jadi E-man E- tu Embong dan darul Iman, baru nama saya, Manan dan itulah yang bertanggungjawab melibatkan saya dengan filem, arwah guru silat saya, Ku Mustafa yang kenalkan dengan Rahim Razali, dan apabila saya dah mula remaja mulanya menonton filem yang banyak, masih juga tidak ada cita-cita menjadi seorang pelakon, cuma saya tahu apa itu lakonan, saya faham apa itu tujuan berlakon, *okay* (baik) dan filem bagaimana yang harus ditonton waktu itu, *okay* (baik) Siti

**SNH : Kalau tuan masih ingat,umur berapa tuan bergelar sebagai pelakon?**

EM : Aaa... *okay* (baik) dah agak lewat ni, jap,jap saya mula berlakon tahun lapan puluh empat, cuba awak kira beranak lima puluh tujuh,

SNH : Sekejap tuan

EM : Lima tujuh, jadi empat belas, dua puluh tujuh tahun eh?

UI : Aah. dua puluh tujuh tahun

EM : Betul kan?

SNH : Betul tuan

EM : Aaa.. jadi saya dalam filem pertama saya, 'Matinya Seorang Patriot', saya berumur dua

puluh tujuh tahun,filem pertama saya, saya digandingkan dengan Noor Kumalasari, saya rasa umur saya dengan Noor waktu itu, kurang pasti saya lagi berumur ke apa, mungkin lah kot, *okay* (baik) apa *next* (seterusnya),

**SNH : Bilakah tuan mula bergiat aktif dalam bidang kerjaya sebagai pelakon?**

EM : Apabila saya terlibat dalam bidang lakonan kali pertama, 'Matinya Seorang Patriot', saya tidak tahu bagaimana filem itu kualitinya, maksudnya tidak tahu bagaimana penilaian penonton nanti terhadap filem itu, bagus ke tak bagus, aku ni boleh jadi pelakon ke tidak, muka aku ni *handsome* [kacak] ke tidak untuk jadi pelakon, kacak ke tidak, macam-macam bermain dalam fikiran saya, waktu itu saya tak peduli pun, sebab saya bukan nak jadi pelakon, saya ada kerja saya, *okay* (baik), saya ada kerja saya, saya berlakon sambilan, bukannya saya nak jadi pelakon, tapi bila terlibat berlakon pertama, tiba-tiba ada pesta filem dan memberi anugerah kepada saya, anugerah pelakon lelaki terbaik, melalui 'Matinya Seorang Patriot', filem pertama saya, jadi saya bertanya, eh adakah aku bagus berlakon, *okay* (baik), filem pertama aku terus dapat pelakon lelaki terbaik, waktu itu ramai pelakon-pelakon lain Yusof Haslam, apa semua ada masa tu, yang dah meninggal apa Azmil Mustafa, ramai lagi hero-hero masa tu, aku yang terpilih kenapa tu, pun dapatlah *feedback* (maklum balas), *comment* (ulasan) orang rupanya mereka suka lakonan saya, dan mereka suka saya,cara saya karakter *deliver* (menyampaikan) watak satu-satu drama, katanya dengan bijak begitu-begini, trend lakonannya agak berbeza dengan lakonan yang lain, *so* (jadi) saya mulalah mendapat tawaran–tawaran berlakon, saya tolak,saya tolak, saya tolak, saya tolak sebab saya kerja, saya tak boleh buat kerja dalam satu masa dua kerja, saya tak boleh, saya tak mampu, saya pula tidak boleh menipu kerja, saya tidak boleh pergi *punchcard* (kad perakam waktu) keluar pergi kerja lain, saya tak boleh buat, bukan saya takut dosa tu tak, tapi bertentang dengan jiwa dan saya, jadi saya pun fikir jadi saya, kalau saya nak berlakon saya akan minta kebenaran sekreteriat, saya tak akan ambil, saya akan ambil cuti, saya akan ambil cuti dan buat surat, tahu-tahu ada dua puluh lima hari cuti, dan yang lain-lain ada masa, kawan-kawan saya yang lain ada kerja berlakon dan dia orang tinggal pejabat yang pergi pejabat punchcard [kad perakam waktu] yang pergi berlakon dia orang

punchcard, saya kata aku tak boleh buat kerja ni, dan aku tak nak buat kerja macam ni, kerja macam ni sangat bertentangan dengan aku, aku tak mahu, dan aku harus pilih yang mana satu yang sekarang dalam kedudukan sekarang, sebab orang dah lihat saya sebagai hero, orang melihat saya sebagai watak yang penting dalam industri filem di Malaysia, dan apa yang saya ada, atau apa yang saya *contribute* [sumbangan] dalam filem, maksudnya, dari segi persilatan ke atau seni pertahankan diri ke, ramai pelakon lain ada, dan saya rasa saya ada sedikit keistimewaan daripada pelakon lain, saya mula berfikir, aku harus membuat keputusan, aku nak jadi pelakon atau aku nak bekerja, fikir punya fikir punya fikir beberapa hari tak, jangan pula, Eman Manan duduk beberapa hari fikir (ketawa) bukan begitu, (ketawa) *okay* (baik) *So* [jadi] fikir punya fikir punya fikir, sekarang aku diberi satu keistimewaan dari orang lain, aku boleh terlibat dalam bidang ini sebagai pelakon yang sudah menerima anugerah pelakon lelaki terbaik, tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia, pelakon pertama kali berlakon dapat anugerah lelaki terbaik, saya seorang sahaja, lepas saya menang,

SNH : Tahniah tuan

EM : Terima kasih, kerajaan atau FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] buat peraturan kali pertama berlakon tidak boleh terima anugerah pelakon lelaki terbaik, mesti terima anugerah pelakon harapan lelaki terbaik, saya lah orang pertama dan terakhir, kali pertama terus dapat anugerah pelakon lelaki terbaik, dan saya dapati ada satu *signal* (isyarat) atau *hint* (tanda), bahawa saya perlu terlibat dalam bidang ini, saya ada satu keistimewaan, saya diterima masyarakat dalam bidang ini, jadi suatu hari saya pergi ke pejabat, tanpa berbincang dengan siapa-siapa, saya ingat lagi saya tulis satu surat saya bagi ke kerani saya, Stenew, saya dah lupa nama staf saya dah lupa tahun enam puluh enam, saya bagi surat kepada dia, dia baca surat, dia letak kat meja saya, "Encik Manan nak berhenti kerja?," Saya tak nak taip surat ni, kenapa, saya tak nak, dan waktu itu saya menjadi orang yang disayangi di pejabat, saya aktif itu, aktiif ini,aktif itu, aktif ini, saya pegang saya handle pejabat kementerian belia dan sukan saya pegang bola sepak, saya handle bola sepak, saya lead semua, sampai bawa pertandingan *friendly* (persahabatan) dengan Singapura, jadi sama ada kakak ke abang ke, adik-adik ke, suka

dan sayang kat saya, bukan sayang ajak kahwin tak, (ketawa) bukan ajak bercinta, yang ajak bercinta itu ada, biasalah tu kan, itu kebiasaan *so* eeemm dia tak nak taip saya kata taiplah, dia tak nak taip pula, saya kata alamak, ada yang mengalir air mata, saya pun cerita dekat dia orang, begitu-begini,begitu-begini keadaannya sekarang, begini,begini,begini akhirnya typist, Stenew pun taip, *okay* (baik) taip apa semua,----- dan hantar fail ke SU [setiausaha] ke pihak pengurusan pentabiran kementerian, apa semua ni, letak dalam fail apa semua, saya pack apa semua barang saya kat pejabat, gantung dan ada dua tiga orang yang bantu apa semua, letak dalam kereta saya pun balik,saya berhenti kerja dan saya, dan apabila saya berhenti kerja tiga bulan, enam bulan gaji saya masih berjalan,

SNH : Lama tuan

EM : Sebab dia orang tak nak potong, dia tak nak bagi saya kerja, dia tak nak bagi saya berhenti, bagi pihak pentadbiran pengurusan pula, dia hantar satu rombongan masa itu, saya berlakon di Janda Baik, salah satu kampung di negeri Pahang, namanya Janda Baik, saya tidur disitu, pada tahun lapan puluh enam setelah saya berhenti kerja beberapa bulan, rombongan dari pihak pentadbiran kementerian belia dan sukan datang ke Janda Baik, memujuk saya menarik balik surat perletakan jawatan supaya jangan berhenti, nak berlakon, belakon, jangan berhenti, dan gaji saya jalan lagi tu, saya pergi kat bank, dia orang tak potong, akhir-akhirnya setelah enam bulan lebih saya cakap kat dia orang begitu begini, aku sudah meludah segan dan malu untuk menjilatnya balik, jadi dia orang pun faham, pegawai-pegawai ini dia orang dah pencen, Hishamuddin, Bariah sekarang doktor masuk ke,masuk ke sambung balik buat PHD [Doctor of Philosophy] dan menjadi pensyarah di UiTM [Universiti Teknologi Mara], Doktor Bariah, Hishamuddin pegawai besar-besar Osman, Zaki, apa semua ni sangat aktif tadi, dan berhenti kerja,disitu dan terus tidak ada lagi syak wansangka nak pergi kerja boleh ke tak kena ganggu tak kena ganggu, sebab dah tak ada kerja dengan yang lain dah. Kat sana saya dah tak ada menipu waktu atau tidak, tak, tak saya fokus kat sini sahaja, dan mulalah berlakon, *okay* (baik)

**SNH : *So*alan saya, bagaimanakah tuan dapat menjayakan setiap watak yang diberikan**

EM : Dapat menjayakan maknanya awak mesti based kepada awak tonton, mesti awak menonton, kalau awak tak tonton, saya tak nak jawab *so*alan ni,

SNH : Faham tuan,

EM : Faham, jadi awak jawab, awak tonton 'Pok Ya Cong Condei', satu lagi tonton satu kampung dua orang, kemudian tahajud cinta, satu kampung dua orang dapat anugerah pelakon lelaki terbaik

SNH : Betul tuan

EM : Betul kan, saya dapat anugerah Anugerah Seri Angkasa, (ketawa) sebagai pelakon terbaik, melalui filem, drama ataupun telemovie, satu kampung dua orang dan dicalonkan bersama Jalaluddin Hassan, eee siapa lagi Jalaluddin Hassan, Shafie dan Sabri sendiri dan ramai lagilah. Itu yang terakhir saya dapat *The Best Actor* (Aktor Terbaik). 'Tahajud Cinta' ini kisah seorang guru agama yang gatal tapi ada karakter yang besar di situ, yang kahwin empat orang yang juga membicarakan tentang Emansipasi, Tahu apa itu Emansipasi

SNH : Saya tak ingat tuan, saya tak tahu

EM : Pejuangan perempuan, hak perempuan dipanggil Emansipasi, dan watak utama menunjukkan perjuangan seorang perempuan, *okay* (baik), ada scene buat tampar begitu begini,begitu-begini, apa semua,pergi belajar sana pergi belajar sini, dalam tu dan konfliknya sangat cantik dalam Tahajud Cinta, tapi malangnya oleh kerana cerita itu seolah-olah mengutuk orang yang pergi belajar ke Azhar sana, jadi golongan pelajar-pelajar Azhar yang perempuan ni menubuhkan suatu group Whatsapp mengutuk Tahajud Cinta itu tadi, dia pergi ke epi*so*d seterusnya,apabila dia menonton epi*so*d seterusnya,dia tarik balik semua kutukan ooo, baru dia nampak ke arah mana Tahajud Cinta itu tadi dan hebat bagusnya Tahajud Cinta, bagus dari segi pengarahan, kesemua pelakon di dalamnya, sama ada Remy Ishak, Nur Fazura ke, Fouziah Gous ke, Neelofa ke, Erma Fatima,, Ziela Jalil dalam tu, sekarang dah jadi wakil rakyat di Melaka

SNH : Betul tuan

EM : *Okay* (baik) apa unsur-unsur yang perlu ada oleh setiap pelakon, apakah unsur kepada seorang pelakon, atau bagaimanakah menjadi seorang pelakon yang agak berjaya, berjaya di sini senang saja, ukuran, minat dan diminati masyarakat, kalau bagus macam mana pun orang tak menonton, jadi kalau tak berjaya sebagai seorang pelakon, *okay* (baik) banyak *so*kongan. Kerja berlakon ni kerja macam mana, kerja berlakon ni kerja yang bagaimana menghidupkan watak mengenal watak, memastikan watak macam mana *okay* (baik) kerjanya, kerjanya mengekspres emosi, kerjanya membayangkan imaginasi sesuatu benda yang tidak ada, yang sudah berlaku yang tak ada depan mata. Kerjanya mengenalpasti sesuatu benda yang ditulis, kerjanya mengenalpasti sejarah, kalau saya terlibat dalam satu filem mengenai negeri Melaka saya perlu tahu sejarah pembentukan negeri Melaka semua sekali, kerja itu jadi apabila menyedari kerja ini sebegitu memerlukan segala sudut dan minda dan juga semangat maka saya mengambil keputusan seorang pelakon perlu banyak ada pada dirinya atau perlu banyak tahu pada dirinya untuk dikongsi dengan masyarakat ramai. Untuk dikongsi bersama penonton,antaranya pelakon itu harus bijak, untuk menjadi bijak bukan hanya di universiti, betul tak?

UI : Betul tuan

EM : Dalam hutan mungkin dalam pundok, mungkin atas gunung agaknya dan untuk belajar tidak semestinya secara formal, tengok hari-hari karakter kat luarnya *okay* (baik), tapi mesti ada belajar, ada peningkatan faham pada setiap pelakon, kalau pelakon itu tidak bijak macam mana dia nak menentukan bahawa filem itu jadi macam mana, dia tidak nampak visualnya macam mana, hanya dialog-dialog sahaja, *okay* (baik) unsur bijak perlu ada, unsur cerdik ada perlu ada, unsur berani perlu ada, unsur-unsur ego dan *so*mbong perlu ada bagi setiap pelakon, saya kumpulkan unsur-unsur itu, maka saya deliver kan untuk kerja saya untuk satu karya. *Okay* (baik)...

**SNH : Terima kasih tuan sangat menjawab *so*alan saya, untuk *so*alan seterusnya jika tuan masih ingat watak apa yang mencabar dilakonkan oleh tuan?**

EM : *Okay* (baik) yang ini awak kena dengar betul-betul *okay* (baik)...

SNH : *Okay* (baik) tuan

EM : Fokus betul-betul, ramai sekali pelakon terutama yang generasi baru, apabila berdepan dengan *reporter* (wartawan), pemberita, pemberita akan tanya watak yang macam mana awak tunggu, watak yang macam mana agak mencabar lalu pelakon mula menjawablah, ramai sekali pelakon menjawab kalau perempuan biasa dia menjawab saya menunggu watak yang berat dalam watak itu saya menjadi , ingin menjadi pelacur, orang gila dalam watak itu, begini, begini, begini, begini. Artis lain menunggu watak macam ni,macam ni,macam ni. Yang lelaki pula menjawab watak yang mencabar bagi saya ialah watak jenis pendekar, pelawak, begitu begini,begitu begini, begitu begini macam-macam yang difikirnya, tapi saya tidak pernah memberi ruang kepada watak untuk mencabar saya, tapi saya sentiasa mencabar tiap satu watak yang ditawar kepada saya, jadi saya tidak menunggu watak yang mencabar, saya yang sentiasa yang mencabar watak, kalau tiga scene, tiga babak itu, tidak boleh *perform* (dilakukan), tidak boleh berlakon dengan baik, awak nak tunggu watak besar ke,lagi awak tidak akan mampu, kalau watak kecil awak tidak boleh cabar, awak nak watak besar yang mencabar awak, lagi awak akan gagal,jadi saya tidak pegang falsafah itu, prinsip itu, pegangan itu, saya pegang kepada prinsip aku perlu mencabar setiap satu watak yang ditawarkan kepada aku

**SNH : Adakah tuan memilih memilih watak sebelum terlibat dalam sesebuah karya?**

EM : Tak semua watak mampu saya buat, tiba-tiba dia minta saya jadi penyanyi, saya tak pandai menyanyi, saya tak nak terima watak itu, tiba-tiba dia minta saya jadi seorang penari, aa.. Mampus aku, saya tak pandai menari, saya buka silat itu insyaallah boleh lah, sebab setakat itu, saya bukannya pandai sangat pun, dan kita mesti sedar ukur baju di badan...

SNH : Sendiri

EM : Ukur baju mesti di badan sendiri, jangan ukur di badan orang, e*so*k-e*so*k berlakon watak terima,watak terima,watak terima, padahal nanti tak yang banyak terjadi apabila melibatkan watak-watak yang menjadi tokoh-tokoh agama nak kena baca al-quran apa semua, ramai anak-anak remaja sekarang tak pandai baca quran kan, tak reti baca quran,

tak reti sembahyang tiba-tiba dapat watak sebegitu rupa, watak-watak yang ditawarkan kepada saya kononnya saya tak pandai baca quran, tengok-tengok gi tempat berlakon *director* (pengarah) *okay* (baik) babak pertama awak baca quran, mampus aku, macam mana saya nak bawa watak sebegitu rupa, jadi untuk melahirkan satu hasil kerja yang agak besar bagus, hasil kerja yang boleh diterima atau diminati oleh penonton ialah.. Yang mampu kita buat dan kita perlu sedar kemampuan kita, kemampuan aku ini,kalau aku kurang aku tingkatkan, macam juga awak,pelajaran apa yang paling awak lemah sekali, mesti awak perlu sedar *so* (jadi) fokus kepada itu, ataupun awak sendiri tu suasana,badan awak itu waktu mana aku lemah,hari-hari ini sebab awak perlu sedar sebagai seorang *student* (pelajar), masa ini aku harus belajar begitu juga dengan bidang saya terima satu watak yang saya tak mampu bagi,yang tak sesuai dengan saya,badan saya, saya ini orangnya tinggi lampai,kurus, slim lah kan?

UI : Betul tuan

EM : Tiba-tiba saya dapat tawaran sebagai Tan Sri, dah banyak dah tawar saya Tan Sri tu Tan Sri ni, Datuk tu, Datuk ni banyak lah, semuanya saya tolak, satu je saya buat dulu dengan Faisal Hussin, tajuk dia yang nak raya tu cerita sedih cerita Faisal Husin jadi peminta sedekah tu, yang jadi peminta sedekah yang datang rumah saya, rumah orang kaya, yang lain semuanya saya tolak sebabnya, sebab filem ni adalah salah satu unsur yang pentingnya ialah imej yang bermain dengan imej, orang kaya yang paling sesuai badannya ialah berisi, *s*ombong, gemuk imej tu kalau dia seorang *lecturer* (pensyarah) harus sesuai dia pakai cermin mata yang tebal, seorang profes*so*r sebab dia hanya membaca sebab berpuluh tahun matanya sudah rosak, betul? Kepala dia botakkan sikit, rambutnya tak terurus, ha itu profes*so*r punya karakter, dia tak ada masa nak uruskan rambut dia, otaknya pergi ke rambut, otak dia sedang fikir apa *research* (penyelidikan) eeem *so* (jadi), kalau diberi watak kepada saya misalnya saya perlu menjadi seorang, saya pernah ditawar menjadi seorang gay, sebagai seorang mat andan

SNH : Mencabar tuan

EM : Sangat memcabar watak tu, saya kena menjadi lembut macam pundan maaf cakap ya…

UI : Tak apa

EM : Ditawarkan oleh satu company ditawarkan saya berlakon, ingat lagi penerbitnya perempuan, "Abang nak tawar abang berlakon," ha alhamdulillah, cerita apa, saya jadi apa dalam telefon, abang jadi mat andan, alamak saya kata, mat andan dalam hati saya watak yang sangat memcabar ni, sangat mencabar ni, dia pun cerita begini begini begini begini begini, saya beri tempoh dia be*so*k atau lusa dan saya akan call balik, saya kata *okay* (baik), saya call balik dia, saya kata saya tidak boleh terima watak ini,dia kata kenapa watak ini bagus, saya jenis pelakon yang focus, aku jadi mat andan nanti seminggu dua puluh aku berlakon aku dah bawa karakter kat rumah lembut aku nanti, *okay* (baik) aku keluar rumah panggung wayang nanti, seluruh Malaysia kecoh,seluruh keluarga aku kecoh kat kampung tu, kakak-kakak, adik beradik aku macam mana, aku tak sanggup jadi begini, aku malu lah nak cakap, saya malu, saya boleh bawa watak ni saya akan focus nanti,focus betul-betul nanti, tujuh hari sebelum berlakon saya dah mula dah mendalami atau menyerapi karakter ni kat rumah saya dah mula lembut dah begitu begini,apa semua tapi saya tak sanggup nanti public nanti mengutuk saya sebegitu rupa, sebab,sebab sebelum daripada ini, saya sentiasa diberi watak-watak oran-ornag berani, pejuang-pejuang,orang yang hebat,pendekar-pendekar pahlawan-pahlawan, tiba-tiba menjadi seorang sebegitu rupa, lalu saya mencadangkan dia supaya mengambil mengantikan saya Abu Bakar Omar, Bakar omar dah berlakon dah, dia seorang yang besar,pelakon yang besar,pelakon yang hebat,seorang seniman tanah air, bagi saya,dia seorang yang hebat, Bakar Omar ini orang Kedah,hitam orangnya, awak check dia dalam Google nanti, Bakar Omar, dia meninggal tahun lepas, Bakar Omar tebal misainya,hitam orangnya, pendek,perut buncit, Mula-mula producer tak setuju, saya kata awak contact [kenalan] dia, awak ni dia, awak bayangkan badan dia yang sebegitu rupa tiba-tiba jadi mat andan, dia sangat-sangat berkesan nanti, awak cuba buat nanti, buatlah, dia pun betullah, dia pun tawarkan kepada Bakar Omar, Bakar Omar berlakon, Bakar terima dan berlakon, bila anugerah, Abu Bakar dapat anugerah pelakon lelaki terbaik,*okay* (baik)

**SNH : Untuk *so*alan seterusnya, mungkin tuan boleh *share* (kongsi) dengan kami, apakah**

**kekuatan yang tuan ada yang menjadikan tuan yakin dalam kerjaya lakonan tuan?**

EM : Ada satu buku, yang ditulis di Indonesia sebenarnya bukan ditulis tapi ditranslate ke bahasa Indonesia, buku ni bertajuk Persiapan Seorang Aktor, tajuk buku ini, saya awal terlibat dalam bidang ini, saya pun dah mencari buku ini, saya masuk ke kedai buku di Kuala Lumpur, nama kedai buku tu Perpustakaan Tara di Jalan Tunku Abdul Rahman dulu, saya niat bukan nak cari buku ni, saya nak mencari novel dan buku-buku lain, saya terpandang buku ni, saya terus beli, baca. Buku diambil dialih bahasa daripada seorang tokoh teater terbesar dalam dunia, atau bapa teater moden, Stanislavsky nama dia dari Russia, Stanislavsky menulis buku ini sepanjang dia mempelajari teater, dia belajar dari guru dia, jadi dia cerita pengalaman dia terlibat dalam teater daripada awal, dan pelakon-pelakon membaca buku ini, buku ini diwajibkan, *student-student* (pelajar-pelajar) di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan], yang masuk akademik lakonan dah tahu mula tahu, buku ini menceritakan apakah perlu ada pada seorang pelakon, sebab tu dipanggil Persiapan Seorang Aktor tadi, melalui buku ini, sedar bahawa seorang pelakon itu, perlu apa, perlu apa, perlu apa, perlu apa, jadi melalui buku tadi tu, menceritakan pengalaman berlakon tadi, metod-metod lakonan dan disitu lahirlah metod akting, metod akting dipanggil metod -----semua ada tu, metod-metod yang lain, ini, kalau pelakon membacanya akan sedar apakah unsur yang perlu ada padanya untuk menjadi seorang pelakon atau melahirkan suatu karya yang bagus diantaranya,pertamanya mesti sihat, kesihatan badan mestilah sihat, sentiasa sihat, sihat dari kadar umurnyalah kalau saya enam puluh lima sekarang janganlah suruh saya berlari *hundred* (seratus) meter dua belas *second* (saat) kan?

UI : Betul

EM : Kadarnya tu, enam puluh lima jangan suruh saya melompat gila macam saya umur saya dua puluh tujuh dulu untuk bersilat, mana boleh begitu lagi, sihat satu lagi mesti sihat mindanya, kedua pelakon ini seolah-olah menjual dirinya, appear diri dia tu dan juga kerja dia tu seorang pelakon, fisikalnya harus dijaga sentiasa, kalau perempuan menjadi heroin, penonton menuntut heroinnya mesti cantik, betul tak?

SI : Betul tuan

EM : Mesti cantik punya, segala badan, segala bahagian badan mesti cantik, sebab tu kalau awak menonton filem Hindustan, awak tak jumpa pelakon extra yang lagi cantik daripada heroin, dia tak akan bagi punya, dia akan letak Kajol paling cantik, Aishwarya yang cantik tak ada orang yang paling cantik daripada dia, supaya fokus penonton tak lari, semua muka kepada dia sahaja, fokus penonton, mata penonton, minda penonton, nafsu penonton semua kepada heroin itu sahaja. Jadi pelakon juga perlu menjual fisikalnya, jual fisikalnya dari erti kata lain, mempunyai fisikal yang bagus, bukan membuka fisikalnya, bukan menayang fisikalnya, akan tetapi fisikal yang menarik, kalau dia seorang heroin, sudah tentu para penonton akan menunggu kemunculan gayanya yang seksi dan cantik. Kalau dia seorang hero, dia mestilah muncul dengan gagah,dengan bergaya, dengan yakin,dengan hebat, kalau dia orang jahat penonton mengharap dia dengan gaya yang menakutkan yang ganas dan berbagai-bagai, itu dari segi bentuk fisikal, dan satu lagi *so*k minda, minda ini banyak pecahnya, pengetahuan,ilmu, untuk awak terlibat dalam filem 'Mat Kilau', kalau saya, saya perlu tahu pemberontakan Tembeling bila berlaku, kenapa berlaku, kalau saya tahun lapan belas sembilan puluh tujuh, sembilan puluh tiga, mana dia berlaku, di Hulu Tembeling, semua kena tahu Tembeling itu bagaimana geografinya, kawasan pedalaman bukan tepi pantai, kalau dia kata kat tepi pantai pokok, geografinya tak betul, dia ada juga dari segi faktor, dia ada historical factor, dia ada anatomi faktor, berbagai dalam bidang lakonan, kita disini agak kurang, industri cerita ini tak semuanya begitu, kalau di Hollywood, berbagai-bagai bidang,kajian untuk melahirkan cerita yang bagus, sebab itu kalau setengah-setengah filem di Hollywood, nak cari satu kesalahan dalam filem, payah, betapa perfect pembikinan,misalnya saya ambil cerita, 'Lord of the rings', segala bidang dia nampak *perfect* (sempurna), mahalnya harga, tempoh kerjanya,persiapan kerja berbagai-bagai, itu minda bukan belum pergik kepada cerdik, kegunaan minda itu, belum pergi kepada untuk mengenal, belum lagi pergi untuk meyakinkan keberanian yang ada itulah unsur-unsur yang perlu ada pada seseorang pelakon, dan saya sedar perlu ada pada saya dan pelakon, seorang pelakon, saya memesan kepada diri saya, walaupun sudah berumur,sudah tua hari-hari tambahlah pengetahuan, tambahlah pengetahuan,

tambahlah pengetahuan, ikutlah pengetahuannya, ilmu itu, dan itu perkara yang perlu ada dan sedikit pelakon itu mesti ada kemahiran dalam bidang masing-masing, misalnya orang itu hebat mengaji, dia boleh bawa tarannum, *okay* (baik), boleh bawa bayati, saya husaini, hiraz, hijjaz, nahuan, harakah, dia ada keistimewaan dia boleh, dia guna keistimewaan dalam kerjaya dia lakonan dia, kalau pelakon itu pandai menari, hebat menari, why not dia buat filem-filem begitu rupa, pelakon itu bidangnya apa, bidang ini, ada kemahiran tertentu, pelakon itu lagi berwibawa, lagi dihormati karya-karya

**SNH : Apakah kemahiran yang tuan pelajari sepanjang dalam industri ini?**

EM : Saya kurang jelas, cuba skopkan lagi, kemahiran yang saya pelajari, kemahiran apa maksudnya?

**UI : Boleh saya baiki, dia lebih kepada kemahiran yang tuan dapat sepanjang tuan berlakon, seperti tuan dapat kemahiran mengawal emosi ke**

EM : *okay* (baik)... banyak perkara yang kita dapat di lokasi pengambaraan sebenarnya, sebab kita berhubung dengan berbagai-bagai bentuk manusia yang datang dari segi pelbagai daerah, yang berlatar belakang dengan pelbagai ilmu, yang berpegang dengan pelbagai pegangan dan fahaman nak disatukan dalam filem tu, banyak yang ditimba dan diperoleh, salah satunya mengenal orang,mengenal orang setiap kali ke lokasi kita sentiasa berjumpa dengan orang baru, dan kenal karakter dia dan kenal kemampuan dia tu, dia sampaikan lokasi je, saya dah agak, saya dah mampu dah, orang-orang yang diambil berlakon tadi, kemahirannya setakat ni dan segala apa yang saya agak atau berlandaskan kemahiran itu tak pernah tak betul, maksudnya saya boleh kenal orang itu berlakon atau tak boleh berlakon, walaupun tak pernah tengok dia berlakon, *okay* (baik) satu lagi kemahiran lain yang saya dapat ialah tahu bagaimana proses sesuatu filem itu perlu dibuat dan bagaimana harusnya selama ini tak pernah fikir begitu, apabila terlibat dalam filem ini kemahiran menerbitkan sesuatu filem, *director* (pengarah) ini bidangnya, production manager dari segi pengurusan ini, kemahiran itu. Sebab itu apabila saya berlakon dengan UiTM [Universiti Teknologi Mara] hari tu saya ada mencadangkan kepada pihak RTM [Radio Televisyen Malaysia], ITM [Institut

Teknologi Mara] supaya menerbitkan suatu buku, buku itu bagaimana hendak menerbitkan sesuatu filem, buku itu, buku itu kepada sesiapa yang berminat menjadi tauke filem, produser filem, dia baca buku ni, dia boleh jadi producer filem. Melalui buku ini, ITM [Institut Teknologi Mara], UiTM [Universiti Teknologi Mara] kata bagus, setakat bagus sajalah tapi tak buat,*okay* (baik), sepatutnya golongan akademik buatlah satu buku nak bagi bagaimana nak menjadi seorang *producer* (penerbit) filem, ada *step* (langkah) A,B,C,D apa semua, tahu apa semua itu, dan kemahiran-kemahiran lain yang saya ada, saya tak banyak kemahiran, silat pun bukan la pandai sangat, boleh lah gaya-gayakan dan orang yang pandai bersilat di luar belum tentu boleh bersilat di tv ataupun depan kamera, dia ada suatu ilmu pula yang harus dipelajari, tapi saya timba pengetahuan silat tadi, bukannya di lokasi tapi di gelanggang betul, tapi saya sudah jawab sedikit *so*alan anda tadi

**SNH : Sangat menjawab tuan, untuk *so*alan ni apakah yang membuatkan tuan membuat keputusan untuk meneruskan kerjaya dalam bidang lakonan?**

EM : *Okay* (baik), tadi saya ada sentuh sedikit dengan awak kan, apabila saya sedar tentang sambutan masyarakat, *so*kongan masyarakat, penerimaan masyarakat kepada kerjaya saya, karya saya, kepada hasil lakon saya, maka saya ada sedikit kesedaran, saya mula ada kesedaran bahawa saya boleh terlibat dalam bidang ini secara serius, secara sepenuh masa dengan industri hiburan di Malaysia, dia menggunakan industri hiburan, saya masih saya kurang dengan istilah industri hiburan kan? Tapi saya perlu guna juga istilah ini walaupun saya tidak perlu, walaupun saya tidak setuju, saya tidak melihat kerja yang saya buat itu hanya untuk hiburan semata-mata, tak ada, bukan itu bendanya, dan aaa.. Saya pelakon malaysia yang paling banyak terima anugerah

SNH : Betul tuan

EM : *Okay* (baik), apabila sejak tahun dulu akan menerima anugerah jadi itu petanda setiap karya saya, kerja saya itu ada penontonnya, orang suka, saya dapat pelakon lelaki terbaik sebanyak tiga kali, *okay* (baik)

SNH : Betul tuan

EM : *Okay* (baik), pertama melalui filem 'Matinya Seorang Patriot', kedua melalui filem 'Bintang Malam', ketiga melalui filem laju, 'Buai laju-laju'. Saya menerima Anugerah Bintang Popular sebanyak tujuh kali, (ketawa)

SNH : Tahniah tuan

EM : Tujuh kali, saya menerima Anugerah Skrin sebanyak tiga kali, saya menerima Anugerah Seri Angkasa sekali, yang baru ni, dengan anugerah-anugerah ini saya rasakan bahawa mereka tidak berpura-pura untuk memberi anugerah ini kepada saya, tapi mereka menilai kerja saya, mereka membuat satu kerja untuk melihat, untuk mengkaji apakah saya layak diberi anugerah, dan apabila saya menerima anugerah, saya kira bahawa mereka fikir saya layak menerima anugerah saya terima, walaupun tiap kali saya berlakon tidak pernah saya mengharapkan suatu kemenangan kepada suatu filem yang saya berlakon, saya tidak pernah mengharapkan suatu anugerah terhadap suatu drama atau filem, saya tidak, tak pernah, apa yang saya harapkan ialah Allah Taala akan memberikan saya kekuatan daripada mula saya berlakon sampai selesai, dan saya boleh belakon dengan bagus,dengan baik,dengan apa semua, dan drama itu laku dan stesen itu beli dan filem itu laku. Anugerah tak pernah saya terlintas, tak ada. Saya tak pernah kerja untuk mendapatkan anugerah, tak ada. Saya kerja untuk menyelesaikan kerja itu, yang diamanahkan kepada saya,dan tanggungjawab saya pegang untuk menyelesaikan, saya selesai, tak ada hutang apa semua, tak ada suatu kerja pun saya tinggal sampai sekarang, sejarah saya, saya tak pernah ambil duit orang tanpa berlakon, dan tak ada satu company pun yang tak membayar saya, dalam istilah kasarnya tak ada satu company pun menipu saya,mungkir janji dengan saya, tak ada seorang pun, syukur Alhamdulillah, syukur kepada Allah,tak ada mungkin mereka memberi sedikit penghormatan kepada saya, kerana saya memberi fokus,betul-betul fokus kepada setiap kerja yang ditawarkan kepada saya dan selesai kerja itu dan saya tidak, sekali saja dalam kerjaya saya, saya ambil dua watak dalam satu masa, itupun atas kehendak kedua-dua produser. Saya berkejar ke Langkawi dan shooting dua hari dan terbang ke Kuala Lumpur, *shooting* (penggambaran) di Kuala Lumpur, terbang ke Kuala Lumpur terbang pula ke Langkawi,terbang ke Langkawi, terbang pula ke Kuala Lumpur akhirnya saya fikir tak

betul saya buat kerja macam ni, kerja seni bukan begini, kerja seni perlu kan suatu ketenangan, memerlukan waktu jadi selepas pada itu, saya tak penah ambil dua kerja dalam satu masa dan saya takkan kerja habis kerja ni terus pergi kerja tempat lain, saya tak boleh sebab kepala saya masih lagi penuh dengan pemikiran watak dengan segala apa yang drama sebekum tu, *okay* (baik) be*so*k saya pergi kerja buat drama lain, saya tak boleh buat, saya kena buang dulu apa yang ada dalam diri saya tu, tentang watak yang sebelum tu. Awak faham tak ni?

UI,S NH : Faham tuan

EM : Saya takkan terima tak ada, tak ada. Tapi ramai kawan-kawan pelakon lain kat lokasi saya saja tanya, lepas ni buat apa? "Abang saya ke Kedah," bila "lusa bang," dalam hati hebat korang ni. Hari ni kau boleh buat kerja lain besok (esok) kau dah boleh buat lain dah. Aku tak boleh aku masih terbawa-bawa fahaman karakter itu, aku mesti buang dulu, tunggu dulu apa semua, baru boleh terlibat dengan yang lain, begitu, baru boleh terlibat dengan yang lain, jadi ada orang puji, tapi saya kata saya bodoh, kenapa, orang lain banyak duit, kerja tak putus-putus, aku kalau tak suka, aku tak ambil, kau, kau sapu saja. Aku tak suka,aku tak ambil punya, jadi satu tahun aku tak berlakon banyak lah. Tengok ada watak ni kacaulah, jadi saya cakap awaklah untung sentiasa kerja duit ada begitu begini, tapi tak tahulah sama ada saya betul atau dia yang betul

UI : Sama-sama betul

EM : (Ketawa) itu adalah pilihan kan? *Okay* (baik) next (seteresnya)

**TAMAT BAHAGIAN C**

**BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA**

UI : **Baiklah mengenai pengalaman kerjaya, pernahkah tuan berlakon di luar negara?**

EM : *Okay* (baik), saya ada berapa tawaran berlakon di luar bukannya --- di luar negara tadi bukannya pergi keluar sahaja maksudnya, *okay* (baik), filem luar yang datang *shooting* (penggambaran) di Kuala Lumpur, ada satu filem Sean Connery yang datang *shooting* (penggambaran) dekat Kuala Lumpur dulu, dia ada satu ejen hubungi saya minta saya berlakon, saya tanya dia "watak apa?" Dia kata "watak yang sangat kecillah", kita orang Malaysia yang kedudukan kecil-kecillah nama kita. Saya pun bergurau dengan ejen dia, "ada tak watak yang aku bertumbuk dengan Sean Connery? Ada tak yang aku fight dengan Sean Connery?" Dia kata "tak boleh" --- "kenapa?" "Itu semua pelakon yang besar-besar je" "Aku kata kalau watak yang macam ni aku taknaklah." Maksud saya, kecilnya yang dia anggap kita ini kan, mereka menganggap kita ni kecil je. Jadi saya tidak boleh terima anggapan mereka itu, saya tak boleh saya ni, tak boleh. Kita ada besarnya kita ada tamadun kita ada sejarah kita sebagai orang melayu, kita ada roh kita akar kita tunjang kita umbi kita, kita ada sejarah ketamadunan kita *civilization* (tamadun) kita, daripada kerajaan merbuk, ribu tahun dulu bukan zaman Melaka 1411 bukan zaman Melaka 1400 tapi sebelum pada itu, kerajaan Merong Mahawangsa, kerajaan Burwas, kerajaan Langkasuka itu semua dah ada dah. Mereka menghina kita mengecilkan sebegitu rupa, tapi Alhamdulillah dalam pada itu saya tidak terima. Saya pernah terlibat dengan filem - satu filem di Indonesia, berlakon di Indonesia tajuk filem itu ialah --- 'Bayangan Cinta', saya berlakon dengan Lydia Kandou – seorang pelakon yang besar di Indonesia, Lydia Kandou tadi suami dia Jamal Mirdad seorang penyanyi yang *top* (atas) di Indonesia juga saya berlakon dalam filem itu dengan dua tiga orang bintang Indonesia. Filem itu ditayangkan di Indonesia dan juga di Malaysia dan selepas pada itu ada satu dua filem yang wataknya tak seberapa ditawarkan saya tak berminat dan saya tak pergi ke mana mana saya rasa biarlah aku disini dan aku

kerja - lingkungan budaya bangsa aku budaya aku ketamadunan aku dan kebanggaan aku Insha Allah. *Okay* (baik)?

UI : **Baiklah, *so*alan seterusnya, berapakah jumlah filem yang pernah tuan lakonkan? Tuan ingat ke kalau tak ingat takpe.**

EM : (ketawa) Ini saya tak ingat. Kalau saya nak ingat nanti makan masa awak nanti jadi --- macam mana awak boleh dapatkan tu? *Okay* (baik) saya bagitahu nama --- saya bagi--- awak catat sikit sekarang antara-antaranya *okay* (baik)?

UI : *Okay* (baik)

EM : Catat sikit, catat sikit saya tak payah catatlah saya jawab dekat sini je. Antara-antaranya filem pertama 'Matinya Seorang Patriot', 'Tsu Feh *So*fiah' kedua, ketiga filem 'Puteri' – dengan Ogy Ahmad Daud – 'Bintang Malam' juga dengan Fauziah Ahmad Daud – akhirnya menjadi isteri saya – 'Lenjan' – *okay* (baik) ini bawah arahan Ismail Yaacob – berlakon dengan Rosyam Nor dan juga Nina Juren – Laga juga dibawah arahan – Ismail Yaacob – berlakon dengan heroin daripada Indonesia – tapi filem ini heronya Syazwan Zulkifly – kemudian saya berlakon dengan U-Wei – dapat anugerah pelakon le-lelaki filem Buai Laju Laju – saya berlakon dengan seniman besar Malaysia Allahyarham Khalid Salleh juga pelakon yang satu satunya pelakon Malaysia menang – Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik Asia, kali kedua selepas pada P.Ramlee – itulah antara-antaranya. 'Buai Laju-Laju' saya berlakon dengan Betty Benafe, Khalid Salleh-tak ramai pelakonnya tu filem *heavy* (berat) sangat tu *heavy* (berat) dari segi wataknya nak fikir – nama pun terikat karakter bukan *heavy* (berat) kena angkat barang kena tolak sana kena- jadi yang lain lain itu harap Umie cari yang lain nanti eh.

UI : **Baik tuan, terima kasih, soalan seterusnya apakah watak yang paling digemari dan tidak dapat dilupakan oleh tuan?**

EM : Cinta pertama orang tidak akan lupa walaupun cinta pertama dia tidak menjadi dan selepas itu dia berkahwin dengan anak raja, cinta pertama dia dengan peminta sedekah – *okay* (baik) tapi tak kahwin tapi sewaktu dia – bersuamikan anak raja dia tetap akan ingat – cinta pertama dia – wajib, dia tidak akan lupa. Begitu jugalah dengan filem – saya – filem pertama filem yang akan menjadi kenangan sampai bila bila dan disitulah pengalaman pertama, pertemuan saya dengan Noor Kumalasari – seorang waktu itu – No- Noor Kumalasari dengan sangat *top* (atas) sangat hebat namanya sangat besar pada tahun-84 [lapan puluh empat] tu akhir dah tu sangat sangat top tiba-tiba digandingkan dengan Eman Manan budak kampung daripada Terengganu, tak ke sakit kepala pening kepala saya kan – yang mana - macam mana itu kita orang kampung orang Terengganu – kata Siti negeri makan repok rebus (keropok rebus), buah petai – budu – guana Siti---tiba tiba digandingkan dengan Noor Kumalasari anak orang Kuala Lumpur bidang filemnya sangat terkenal cantik, seksi pernampilannya, bijak orangnya tapi atas dasar keberanian ataupun apa yang pegang tadi yang ada pada saya tadi yang saya cari dan tanamkan dan muatkan dalam diri saya tadi---cerdik keberanian yang tadi---membekalkan itu - jadi saya tidak rasa sangat bimbang untuk berdepan dengan Noor Kumalasari walaupun saya ---bukannya sesiapa tiada orang kenal waktu itu tapi saya ada keberanian saya untuk berdepan lakonan dengan Ahmad Tarmimi Siregar waktu itu, dengan Umi Kal*so*m waktu itu, dengan Roomai Noor waktu itu, dengan pelakon-pelakon veteran lain-yang lainnya. Saya tidak pernah terlibat didalam layar lebar ataupun *bigscreen* (layar besar ) ataupun panggung wayang - jadi yang tetap jadi ingatan saya filem itu, bukan peristiwa didalam – keseluruhan menyiapkan filem 'Matinya Seorang Patriot'.

**UI : Baiklah *so*alan seterusnya, berapakah gaji pertama yang diterima oleh tuan semasa berlakon?**

EM : (ketawa) Orang filem tak dapat gaji --- kami tidak memanggilnya gaji – gaji ni dia amat tepat – *okay* (baik) – gaji ni memanglah tepat – bayaran ni kontrak satu masa ke satu masa – gaji ni *monthly monthly monthly monthly* (bulan bulan bulan bulan) tiap tiap bulan tiap tiap bulan tiap tiap bulan gaji. Dia bawah pada sepuluh ribu [wah] bawah [banyak] banyak? – satu bulan kerj- satu bulan kerja dia tak sampai sepuluh ribu *the exact rate* (jumlah yang tepat) itu jumlah pertama saya tak ingat – berapa jumlah tapi tidak melebihi itu -- bawah lagi sebabnya waktu itu bukannya saya mencari wang bidang lakonan – saya ada gaji saya – apabila *discuss* (bincang) tentang *payment (bayaran)* tu dalam hati saya kau nak bayar berapa kau bayar jelah. *Okay* (baik) -- aku berlakon ni pun kerana guru silat aku kerana Rahim Razali yang ambil daripada awal tadi tu.

**UI : *So*alan seterusnya, adakah tuan masih berminat untuk berlakon sehingga sekarang?**

EM : *Okay* (baik), banyak perkara yang saya nak sebut - nak sentuh perkara ini- sehinggakan tak perlu sentuh banyak-banyak, apakah saya masih bersedia untuk berlakon sampai sekarang eh?

UI : Ye betul

EM : Umie, - - - lakonan adalah kerjaya- - - *okay* (baik)?

UI : *Okay* (baik) faham

EM : Lakonan adalah kerjaya - saya, bila orang tanya saya sampai bila nak berlakon? saya kata sampai saya lagi - -saya boleh berlakonlah, sebab ini kerjaya ini bukan minat ini bukan saya nak mencari glamor takde, ini kerja saya kerjaya saya, cari duit, hidup saya, jadi apabila saya jadikan dia kerjaya, saya mesti perlihara dia betul-betul, saya

mesti pagar dia supaya tidak diganggu binatang buas, saya mesti payung dia supaya tidak ditimpa hujan, saya mesti letakkan permadani dia, potong segala rumput supaya tidak diganggu oleh pacat, awak faham?

UI : Faham tuan

EM : Jadi saya perlu menjaganya, saya perlu memberi tumpuan saya perlu memberi - - tidak menipu, ikhlas, jujur kerja ni kau tengok ke tak tengok ke tauke aku kerja, aku dah sanggup dah---aku dah sanggup kerja aku dah *sign contract* (tandatangan kontrak) aku pun dah terima bayaran 50 persen kata kan, jadi itulah tanggungjawab aku sekarang ialah menyiapkan ini aku bukan minat tau kalau aku berminat aku mungkin tak akan buat cerita---kerja macam ni sebegitu detail, fokus, tak. Ini adalah kerjaya saya, ini adalah tanggungjawab saya, adalah--wajib bagi saya menyelesaikan satu-satu karya yang saya terima ataupun yang saya setuju untuk - berlakon dengan sepenuh hati - dengan sepenuh kebolehan dan tumpuan dan saya apabila berlakon katakan 20 hari saya akan terlibat dengan---satu bulan katakan contoh saya bagi macam tu untuk awak faham katakan bulan satu february nanti sampai bulan---30 March nanti saya terlibat dengan satu produksi tapi saya bukan ada hari-hari, *okay* (baik)? Katakan harini ada, esok ada, lusa takde, *okay* (baik)? Jadi ja-jadual saya tu bukan hari-hari tapi dalam masa 30 hari itu saya izinkan untuk mereka menukar jadual-sebab saya dah contract dengan dia- "bang nak tukar jadual bang", "kau tukar jelah"---sebab saya dah tak ambik job lain dah saya dah fokus- saya dah terikat dengan dia, katakan besok (esok) saya takde *shoot* (penggambaran) tiba-tiba petang diorang telefon, "bang maaf bang-ye-abang ada dekat mana"---"dekat rumah"---"bang maaf bang terpaksa nak buat babak abang dalam jadual takde"-saya kata "*okay* (baik)" takde masalah saya datang jelah jadi diorang pun seronok, *okay* (baik), selesai semua kerja, takde ooo dalam jadual saya takde (ajuk) (ketawa) saya tidak pegang prinsip itu saya tidak pegang fahaman itu. *Okay* (baik), Umie?

UI : ***Okay* (baik) tuan, jadi berapa lamakah tempoh penggambaran bagi satu-satu produksi?**

EM : *Okay* (baik), dia ada dua ni-dia ada---soalan awak ni untuk nak jawabnya agak subjektif sebabnya begini-awak nak tahu filem ke drama tv?

UI : Dua-dua tuan.

EM : *Okay* (baik), dia bergantung kepada-kepada naskah itu ataupun kepada skrip itu ataupun filem dan drama kita nak buat itu, kalau drama itu agak berat memerlukan lokasi yang banyak misalnya kena pergi *shoot* (penggambaran) dekat Sabah pergi-dekat Sarawak kena pergi balik dekat Sarawak pulak kena pergi Langkawi katakan, banyak tempat dan banyak karakter yang terlibat dalam itu dan banyak prop-prop yang nak digunakan, dan banyak babak-babak tertentu yang perlu---satu hari hanya satu babak sahaja dibuat, *so* (jadi) dia akan---masanya lebih kurang dua hingga tiga bulan satu filem yang saya pernah terlibatlah. Begitu jugak dengan pro - drama tv, kalau drama tv yang panjang seratus episode dua ratus episode itu sepanjang tahun *shooting* (penggambaran) takde kerja lain bangun tidur pergi bangun tidur pergi *shooting* (penggambaran) je tu, yang itu saya tak mampu nak buat-saya tak mampu nak buat katakan dua ratus episode, satu tahun kerja, kalau saya buat yang macam tu saya rasa saya dah kerja balik dengan kerajaan dah (ketawa) padahal saya dah berhenti dalam masa satu tahun bangun tidur katakan sembahyang subuh selepas solat subuh apa semua pergi kerja balik malam, hari-hari itu sudah bukan berkarya lagi kan itu dah macam robot dah pergi kerja balik dah, saya jadi macam pikir-ini aku kerja macam aku pegawai dulu, bukan pelakon dah ni, (kurang jelas) punya kerja- kalau yang disambung pulak tiga tahun punya drama keluar berapa lama makan masa yang lama mereka buat. Kalau telemovie, telemovie televisyen movie ataupun wayang untuk televisyen itu mengambil masa ---dalam masa ---biasanya- dalam masa 10 hingga 12 untuk menyiapkan satu telemovie yang ditayangkan pada pukul 9 sampai pada pukul 11 malam, penggambarannya antara 10 hingga 12 hari atau lapan hingga 10 hari kalau

lokasinya ataupun tempat penggambarannya kawasan kawasan yang berdekatan kalau yang 45 minit ataupun satu jam tayangannya petang katakan pukul 6 petang, 7 petang biasanya penggambarannya untuk siapkan satu episode dalam masa 3 atau 4 hari satu episode kalau yang sepuluh episode mungkin untuk nak menyiapkan dalam masa 30 hari, siang malam pagi petang siang malam pagi petang siang malam pagi petang, *okay* (baik)?

**UI : *Okay* (baik), seterusnya, adakah covid 19 turut menjejaskan industri lakonan?**

EM : Umie dan Siti dengar, apabila berlaku pkp ataupun covid 19 [Coronavirus disease] - satu perubahan drastik berlaku di seluruh dunia - satu bentuk baru kehidupan seorang pelakon diseluruh dunia dan bentuk kehidupan ini kekal - orang tidak lagi makan dikedai orang makan dirumah, orang tidak lagi solat dimasjid tapi dirumah, orang tidak lagi ke panggung wayang tapi menonton dirumah, orang tidak lagi kerja dipejabat tapi kerja dirumah, orang tidak lagi disekolah tapi belajar daripada rumah. Nampaknya yang berlaku ini sudah membuat saya membuat sa---apa yang berlaku ini menyebabkan saya membuat sedikit penilaian dan jugak konklusi. Penilaian yang saya buat ialah penilaian bidang saya, bidang industri lakonan-bidang industri hiburan ini, salah satu yang saya fikir bahawa industri filem akan mati, orang tidak akan lagi ke panggung wayang, bukan industri filem tapi industri panggung akan mati, orang tidak akan lagi ke panggung, orang akan menonton dirumah, satu bentuk-satu bentuk hiburan baru ataupun medium baru perlu dibuat perlu direka oleh manusia bukan lagi bentuk filem yang macam mana, fungsinya macam mana screen yang dekat rumah --- takde bentuk macam mana [kurang jelas] akan direka oleh manusia untuk menonton dirumah. Begitu juga industri musik, orang tidak akan lagi dengar, membeli cd begitu begini apa semua---semua downloadlah semua melalui telefonlah dicuri cetak rompak, berbagai-bagai sampaikan sampaikan seluruh dunia industri musik jadi kacau-seolah olah mati dah dekat Malaysia takde orang buat album sekarang, betul? Mana ada album baru mana ada Siti [Dato' Siti Nurhaliza] buat album. Semua dah download dengan kini cetak rompak sana download sana *download* [muat turun] sini, kerja-kerja

para artis kebanyakkan dirompak dan tida-dan tidak dikawal oleh kerajaan yang sepatutnya tidak seperti mereka mengawal industri-industri lain, tapi kerja-kerja kami jugak turut dalam masuk dalam rumah-rumah mereka, gedung-gedung mereka, ofis-ofis mereka, kerja kami tapi mereka seolah-olah tidak melihat bahawa ini adalah satu kerjaya karier yang perlu dijaga, sebab kerjaya ini akan mengangkat martabat satu bangsa itu akan menceritakan tentang kedaulatan bangsa itu dalam bidang ini tapi mereka tidak melihat kepentingan bidang ini kepada kebangkitan bangsa dan pembangunan bangsa sudah tidak boleh lari dengan menggunakan medium ini tapi mereka lalai, mereka tidak memberi tumpuan yang seharusnya, jadi industri kami tidak terjaga---kurang terjaga, tapi industri kami mendekati semua manusia dalam dunia ini sama ada dia pakai teropah, sama ada dia pakai nampak mata dua biji je, sama ada dia pakai kopiah, siang malam jubah dalam rumahnya tetap ada tv, tetap mereka menonton, siapa sahaja walaupun dia benci artis macam mana pun, rumah mereka tetap ada tv, yang mereka menonton itu ialah kami, kami lah, jadi apabila mereka mengutuk kami, mereka hentam kami padan padanlah industri ini, jangan terlebih-lebih sebab anda perlukan kami, kami perlukan anda dalam bidang ini semuanya bukan orang bijak, ada orang yang kurang begitu begini yang kadang industri ini kena terimalah industri ini seadanya, dan memberi satu pandangan yang baru supaya industri terus bangkit bangun dengan satu (kurang jelas) peningkatan yang baru, standard yang baru, standard yang lebih tinggi tapi tidak berlaku begitu. Penilaian saya tentang covid ini tentang industri ini yang berlaku pada covid akhirnya disanggal---akhirnya dinaikkan, dihalang ataupun dibuktikan bahawa penilaian saya buat nilai tadi tu salah tidak betul oleh filem 'Mat Kilau' (gangguan). Apabila lahir ataupun tayangnya filem 'Mat Kilau', orang berpusu-pusu ke panggung wayang jadi penilaian saya tadi apa yang berlaku pada industri ini salah, dan inilah salah satu hebat filem 'Mat Kilau' yang saya lihat yang jarang dilihat oleh sudut lain oleh orang lain, menghidupkan balik industri ini, menyedarkan balik kepada orang yang kerja dalam industri ini bahawa tempat kita masih ada dalam industri ini, masih ada orang yang akan ke panggung untuk menonton saratnya, juadah ataupun hidangan kita itu mesti bagus mesti lazat mesti enak, proteinnya tinggi, khasiatnya tinggi maka pasti ada

pemakannya, syaratnya kita mesti tayangkan yang bagus mesti ada penonton dan 'Mat Kilau' pulak ditayang diwaktu ekonomi---diwaktu politik Malaysia agak sedikiti kecoh pada menteri dilantik ini, letak jawatan, naik yang baru pilihanraya empat belas sebagainya itu tak berapa kukuh keputusan pilihanraya lalu masing-masing menggunakan filem 'Mat Kilau' sebagai membuktikan bahawa mereka itu pejuang mereka itu melayu Menteri Besar Terengganu pakai tanjak Samsuri - Dr. Samsuri [ Menteri Besar Terengganu] yang tak pernah-pernah orang PAS [Parti Islam Se Malaysia] pakai tanjak selama ini pakai kopiah je, yang perempuan-perempuan PAS-PAS [Parti Islam Se Malaysia] pergi menonton filem 'Mat Kilau' bawak anak-anak yang tak pernah pergi menonton masuk panggung wayang pergi menonton 'Mat Kilau', sekolah-sekolah cikgu-cikgu banyak mewajibkan ataupun galakkan mensiapkan apa tiket free apa semua pergi menonton 'Mat Kilau' supaya apa bukan supaya mengenal sejarah sahaja akan tetapi supaya melayu bersatu supaya Islam diangkat supaya negara terjamin supaya kepimpinan terus jitu memimpin masyarakat melayu, macam orang politik ke saya bercakap ni?

UI : Tak tuan

EM : (ketawa)(kurang jelas) dan filem itu pulak dilahirkan (berdehem) disentuh disentuh soal isu hak isu ketuhanan isu maruah bangsa agama, makin ramai pergi penonton dan filem itu pulak tidak ada halangan yang tidak baik untuk ditonton oleh keluarga daripada anak sekecil-kecil anak sampai setua-tua boleh masuk tidak ada halangan, tidak ada benda yang negatif dalam filem itu. Jadi boleh kongsi oleh seluruh keluarga oleh seluruh masyarakat, jadi apabila lahirnya filem 'Mat Kilau' apabila ditayangkan filem 'Mat Kilau' apabila sambutannya sebegitu dahsyat filem 'Mat Kilau' sambutan yang paling hebat dalam sejarah filem melayu terbukti penilaian saya tentang covid 19-19 akan meruntuhkan industri ini tidak benar. Jadi-jadi---akan tetapi kesan daripada covid 19 ataupun sepanjang covid 19 itu para seniman dan senimawati orang-orang yang terlibat dalam bidang ini bidang memberi keceriaan kepada negara ramai yang menghadapi kesukaran kesulitan kerja, menanggung keluarga, tanggung anak sekolah,

anak isteri begitu begini apa semua tapi Alhamdulillah kita---negara kita ini negara yang bertuah negara tanah melayu, negara (bunyi) yang telah melahirkan ramai para wali negara yang telah melahirkan para syuhadah para ambiyah yang mana mereka telah doa dulu nenek moyang kita agar negara kita tanah melayu ini dijaga sampai kiamat nanti sampai waktu covid pun selesai maka segala yang tadi kerungsingan susah kepayah hidup tadi Alhamdulillah sedikit sebanyak terlerai selesai dan sampailah ke hari ini dan covid tetap menjadi kenangan bagi saya covid ini bukan hanya ganas bukan hanya jahat tapi zalim, penyakit yang memisahkan anak dengan ayah penyakit yang memisahkan isteri dengan suami penyakit yang melarang setiap agama beribadah ditempat ibadahnya, tidak ada penyakit lain seperti ini sangat-sangat ganas yang zalim itulah covid memisahkan anak dengan mak memisahkan pesakit dan keluarga tidak boleh pergi ziarah, isteri tak boleh tidur dengan suami, anak tidak boleh tidur dengan mak seluruh para pengamal agama tidak boleh menggunakan tempat ibadah mereka untuk beribadah tapi Alhamdulillah sampai peringkat sabar kita maka selesai semua dan industri ataupun bidang saya kembali segar kembali mendapat tumpuan, Alhamdulillah, menjawab tak?

UI : Menjawab tuan, sangat-sangat menjawab.

EM : *Okay* (baik) (ketawa) takpe takpe teruskan

**UI : Tuan banyak melakonkan watak sebagai pendekar silat, darimana tuan mempelajarinya?**

EM : *Okay* (baik), saya mula mempelajari silat di kampung di Terengganu, zaman budak zaman sekolah dulu, bukan untuk menjadi pahlawan bukan untuk menjadi pendekar bukan untuk menjadi pembunuh tidak, saya fikir waktu itu yang saya ceritakan minat saya melihat bahawa sesuatu ada sesuatu rasa disebalik itu yang sewaktu budak saya belum tahu belum kenal belum mendekati kita budak lagi. *Okay* (baik) bila dah ada ruang dah masuk sekolah menengah, ada ruang nak pergi jumpa guru minta izin

diterima *okay)* (baik) belajar tapi tidak tinggalkan tidak pernah abaikan sekolah belajar sikit sana sikit sini sikit apa semua rupanya nak seorang pelakon rupanya sebab itu suka sangat belajar silat bukan untuk menjadi seorang pendekar dan apapun saya ucap terima kasih kepada arwah para guru-guru silat saya dan doa agar mereka ditempatkan dikalangan golongan hamba-hamba Allah yang soleh InshaAllah. *Okay* (baik) *next* (seterusnya)

UI : **Adakah melakonkan watak aksi silat merupakan suatu cabaran?**

EM : *Okay* (baik) cabaran lagi kan (ketawa) *okay* (baik) takpe, walaupun begitu saya faham apa yang awak maksudkan. *Okay* (baik) tidak ada pelakon aksi dalam dunia ini yang dapat anugerah pelakon lelaki terbaik, tak ada yang ada dekat malaysia saya je. *Okay* (baik) kenapa salah satu salah seorang pelakon aksi yang besar dunia numb- yang namanya Sylvester Stallone, dia berlakon cerita ---Sylvester Sallone berlakon cerita 'Rambo' aksi Rambo habis pasal komander apa semua cerita dahsyat, dia mendapat anugerah pelakon lelaki paling buruk di Hollywood *okay* (baik)? Takde, pelakon aksi tak akan dapat anugerah, di China pelakon yang dapat anugerah adalah Chow Yun Fat bukannya Jet Li bukan Jackie Chan, Jet Li Jackie Chan tak akan dapatnya sebab diorang bukan pelakon diorang pengkungfu ataupun pesilat, disitu ada bezanya, bukan saya kata saya sorang dalam dunia tadi tu saya hebat, tak, dari segi soal penilaian itu kita disini agak lain sikit menilai kan. Silat bukan lakonan Umie, ha, silat ialah satu kemahiran apabila kamu bersilat dalam filem kamu dalam filem, kamu bukan berlakon jadi itu bukan lakonan, itu ialah kemahiran *okay* (baik)? Faham? *Okay* (baik) tapi mereka tidak faham yang tidak sedar bahawa dalam silat ataupun dalam aksi itu perlu selitkan lakonan. Awak faham tak?

UI : Faham tuan

EM : Mereka yang lain kebanyakkan kawan-kawan saya bila beraksi dia beraksi sahaja tiada lakonan, saya tak saya akan ambil aksi melalui mata saya ke gerak saya ke masukkan

*character of fighting* (karakter dalam berlawan) dia panggil, dan pose pose tertentu, berhenti-berhenti tertentu dalam melepaskan pukulan tadi ataupun sepakan tadi itu supaya kamera dapat menangkapnya kamera filem bergerak 24frame persecond, kelajuan yang bagaimana yang diperlukan untuk menangkap gerak gerak aksi, ha itu pelakon harus mencarinya supaya apabila keluar diskrin nanti dia akan nampak berbeza dengan pelakon lain apabila dia menggunakan aksinya itu kalau dia tidak applykan lakonan dalam aksinya maka dia akan menjadi seperti robot silat aje itu bukan lakonan itu bukan seniman punya kerja, itu dekat gelanggang punya kerja, jadi tidak ada pelakon aksi yang dapat pelakon lelaki terbaik terutamanya di Hollywood kalau ada Hollywood dipanggil *Academy Awards* kan kalau ikut perkembangan Hollywood ni tidak ada pelakon dan tidak ada filem-filem aksi filem aksi yang akan dapat filem terbaik, tak ada, semuanya filem-filem berbentuk drama, berbentuk drama tahu filem bentuk drama apa dia ada *thriller* (dia ada drama dia ada aksi kan bentuk drama ini kalau setakat rumah tangga ini yang paling payah sekali nak berlakon, ini yang paling payah dan rumah tangga ini yang berbalah dengan ini, inilah yang paling payah yang memerlukan keluar air mata nak menangis nak merajuk inilah paling payah sekali, yang aksi-aksi silat yang perempuan-perempuan berlakon sebagai aksi silat itu yang paling senang yang sebenarnya, menggunakan tenaga tidak menggunakan banyak menggunakan pemikiran atau fahaman watak-watak yang sebegitu rupa kalau tengok di Hollywood, pelakon yang dapat kalau lelaki yang dapat pelakon lelaki terbaik siapa? Saya punya *favourite actor* (artis kegemaran) saya, *favourite actor* (artis kegemaran) or saya hero dalam filem 'My Left Foot' filem 'The Last of the Mohicans' - kalau tengok fi- Meryl Streep yan-g pernah dapat pernah dapat pelakon le-la- wanita terbaik dia bukan bidang aksi yang lain pulak dapat Robert de Niro pelakon terheba-pelakon lelaki terbaik melalui filem 'Ragging Bull', itu semua filem-filem yang bentuk drama yang bermain emosi bukannya yang bermain kemahiran tadi yang bersilat tumbuk sana terajang sana begitu tak, tidak, yang mendapat emosi yang mendapat pujian yang susah nak *deliver* (sampaikan) ataupun dilakonkan ialah watak-watak yang berkaitan dengan emosi sebab itu susah dan kita pulak tidak pernah mengalami misalnya watak-watak itu kita nak faham nak *adaptkan*

(masukkan) nak masukkan dalam diri kita tu supaya watak itu benar itu yang agak mencabar minda kemampuan tiap-tiap seorang pelakon itu dan kalau kita tengok disini kita ambil pelakon lelaki terbaik di Malaysia siapa yang pernah dapat? Antara yang lainnya ialah Md Yatim, Md Yatim ni dulu pernah jadi salah seorang pensyarah di Aswara dan jugak UiTM [Universiti Teknologi Mara] di Puncak Perdana tu dia ni belajar dekat Australia dulu dalam lakonan tapi takde pula berlakon aksi filem dia ialah 'Pemburu' dan filem 'Abang', 'Pemburu', 'Anak Sarawak', berlakon, pelakon lain yang dapat, pelakon lelaki terbaik ialah Nasir Bilal Khan juga tidak aksi yang dulu pada dia yang pernah dapat dulu Rahim Razali jugak bukannya pelakon aksi, semua pelakon-pelakon yang menggunakan faham menggunakan emosi watak-watak yang sebegitu rupa itu yang susah, nak melihat dengan berkata kata tapi tidak keluar ayat, memandang seperti bercakap itu yang payah, diam seperti sunyi sepi ataupun diam seperti sedang bercerita ataupun daripada tidak menangis kamera gerak pelakon itu perlu menangis aliran air mata, itulah watak-watak atau gerak lakon yang sangat-sangat susah untuk dilakukan nak divisual nak sampai ke peringkat penonton, kalau yang memerlukan aksi tadi tu, itu sangat senang dilakukan aksi silat aksi *fighting* (berlawan) aksi itu telahpun semua tu senang sahaja, dia kurang memberi cabaran kepada seseorang pelakon , cabarannya hanya menggunakan tenaga yang lebih sahaja, *okay* (baik).

UI : **Apakah watak pendekar yang tuan lakonkan dalam adegan filem yang paling tuan ingati?**

EM : Saya ada dua siri watak pendekar yang sangat popular, sangat popular walaupun saya buat lebih pada itu, satunya Pendekar Kundur, saya berlakon cerita 'Pendekar Kundur', 'Pendekar Kundur pada ketika itu sangat-sangat diminati sebab dalam cerita 'Pendekar Kundur' itu bukan hanya silat sahaja, ada cinta dalam cerita itu, cinta diantara saya dengan heroin yang dimainkan oleh Tiara Jacquelina, ada cerita pasal keluarga dalam cerita itu, untuk pengetahuan awak Umie, orang-orang dulu bukannya hari-hari membunuh orang (ketawa) jangan salah faham, jangan fikir orang dulu bunuh

orang je hari-hari eh (ketawa) tak ada, orang dulu macam sekaranglah, sekarang adalah berlaku pembunuhan tak akan buat filem purba, bunuh tak boleh silat silat silat silat silat silat dan silat dan silat dan silat je, jadi daripada cerita 'Pendekar Kundur' itu mulalah---sebelum saya buat 'Pendekar Kundur' dah ada company lain buat drama dan hero orang lain berlakon tapi tidaklah sepopuler seperti 'Pendekar Kundur', bila keluar 'Pendekar Kundur', filem itu drama itu menjadi sangat-sangat populer menyebabkan mempengaruhi company-company lain, syarikat-syarikat lain dan pelakon-pelakon lain untuk terlibat dengan cerita-cerita yang berbentuk persilatan ataupu - ataupun drama atau filem yang memasukkan unsur-unsur seni mempertahankan diri di dalam kerja itu. Dan yang kedua episodenya ialah 'Keris Hitam Bersepuh Emas', 'Keris Hitam Bersepuh Emas' ini ada dalam Youtube, 'Pendekar Kundur' pun ada dalam *Youtube* yang tiada adalah 'Luk Tujuh', 'Pendekar Kundur', bila keluar 'Keris Hitam Bersepuh Emas', waktu itu dia mendapat sambutan yang sangat-sangat-sangat dahsyat dikalangan para peminat persilatan terutamanya dan juga para-para peminat yang mengikuti lakonan saya, sebab gandingan yang besar dalam drama 'Keris Bersepuh Emas' saya, Ebby Yus, arwah Zamberi Osman dah meninggal haritu, bulan lepas-tahun lepas-awal-akhir tahun lepas dia meninggal, Ruzaidi Abdul Rahman situ ada Razak Mahat ada disitu dan kemudian tiap-tiap satu episode tu ada artis-artis baru perempuan apa semua dan ceritanya digaran-diarah dan dikoreograf oleh koreografer yang kami lantik koreografer itu maksudnya orang-orang yang mengajar ataupun mereka babak-babak pertaruhan dalam drama itu, sungguh-sungguh bagus dan sampai kan kehari ini drama berunsurkan persilatan yang bertajuk 'Keris HItam Bersepuh Emas' masih lagi menjadi *masterpiece* (karya agung) ataupun masih lagi menjadi karya drama persilatan yang terbaik yang pernah ada ditayangkan didrama tv Malaysia dan masih terus menjadi tontonan, simpanan dan rujukan, ramai sekali guru-guru silat di Malaysia, *okay* (baik).

**UI : *Okay* (baik) baiklah, soalan seterusnya adakah tuan pernah mengalami kecederaan saat melakonkan aksi?**

EM : *Okay* (baik), (berdehem) setiap-kali nak turun berlakon, dekat rumah, selain daripada doa baca bismillah apa semua saya tanam niat saya, saya nak turun kerja tu-saya nak turun sebelum pergi kerja, nak menyelesaikan kerja orang jadi saya minta pada Allah SWT agar hindarkan saya daripada segala malapetaka apa semua, saya bukanlah nak tu dunia tak, saya ke lokasi nak pergi kerja nak selesaikan ini, aku bukan nak khianat orang, aku bukan nak begini aku bukan nak tunjuk aku pandai silat takde, pergi dekat lokasi saya tumpukan kepada kerja saya sahaja tumpu situ je sampai selesai kesemuanya bukan nak tunjuk pandai silat ke tak, dan setiap kali saya nak bersilat kalau dekat kampung, kalau ramai---biasanya ramailah yang datang menonton, biasanya ramailah nak tengok Eman Manan bersilat kan, dia fikir saya ni pandai betul, rupanya begitu-begitu jelah dan tiap kali saya nak memulakan silat dekat kampung-kampung bila saya berlakon, bila ramai penonton, saya akan salam kepada semua penonton saya pohon izin dan pohon ampun maaf untuk nak menjalankan kerja bukan untuk nak menunjuk handal bersilat, tidak, tapi untuk menyelesaikan kerja orang kerja yang sudah diamanahkan kepada saya, jadi kerana itu, mungkin Allah Taala hindarkan diri saya daripada bahaya, berlaku kepada diri saya daripada mula saya berlakon dulu, Alhamdulillah sampai ke hari ini, takdelah yang saya perlu berhenti, rehat sebulan, duduk dekat hospital kan, pecah ke patah ke, ha tapi yang lawan dengan saya ramai yang ke hospital (ketawa) *fight* (lawan) dengan saya ramai ke hospital, ramai yang pecah, ramai yang kena tikam, ramai yang luka ramai, atas kesilapan mereka sendiri, bukan atas saya (ketawa) *okay* (baik).

**UI : Soalan seterusnya, adakah melakonkan watak aksi pada umur kini menjadi satu cabaran?**

EM : Apa itu silat? (ketawa)

UI : Pertahanan diri

EM : Pertahankan diri, *okay* (baik) lagi apa?

UI : Menggunakan kekuatan

EM : *Okay* (baik) semuanya betul takde salah tapi ada yang lagi betul daripada itu, (kurang jelas) jadi jawapan daripada soalan awak tadi itu ialah peringkat persilatan itu, silat itu peringkat umur kita, bila umur kita lapan puluh tahun, kita silat cara kita lapan puluh tahunlah, gerak-gerak silat yang sesuai dengan umurlah. *Okay* (baik)?

UI : Ooo *Okay* (baik) faham tuan.

EM : Haa, tu yang saya bagi contoh panjang sikit tadi tu, kalau umur saya lapan belas tahun sekarang, saya bersilat dengan kadar umur lapan belas tahunlah, saya akan memilih gerak saya yang sebegitu rupa, bila umur enam puluh tahun, saya akan memilih gerak silat yang sesuai dengan enam puluh lima tahunlah, dan itu (kurang jelas) ia banyak benda yang sesuai untuk semua peringkat umur. Mungkin boleh di apply (aplikasi) sewaktu duduk, sewaktu baring, sewaktu berjalan dan sebagai-bagaimana. *okay (baik)* (baik)?

UI : *Okay* (baik), faham tuan.

EM : Haa, jadi kaedah yang awak tanya saya tadi jawapannya itu mampu, boleh dan sangat boleh dan itu saya berlakon dalam cerita Pok Ya Cong Codei, kalau awak betul tengok, awak ada tengok saya ada *fighting* (berlawan) tak?

UI : Ada

EM : Ha, masih boleh menyepak, menterajang apa semua, dan kalau macam tu soalan awak yang tadi jawapannya ha begitulah, boleh, (kurang jelas). Faham kan?

UI : Faham tuan.

EM : *Okay (baik)* baik

**UI : Soalan seterusnya, adakah setiap watak yang ditawarkan kepada tuan meminta tuan melakonkan aksi ataupun itu adalah idea dari tuan?**

EM : Ooo tak tak, yang saya aksi-aksi dalam tv dalam drama dalam filem itu semua berlandaskan kepada dalam skrip. Semuanya kepada skrip yang ada dalam tu, memang dan banyak sekali drama-drama saya yang tidak ada persilatan yang tiada *fighting* (berlawan), banyak, yang mengalirkan air mata, banyak, kalau awak tengok saya---kalau awak tengok drama 'Ombak Laut Cina Selatan', awak akan menangis nanti, awak tengok, kalau awak tengok nanti 'Janji Syurga', awak akan menangis nanti dan cerita 'Satu Kampung Dua Orang' manada *fighting (*berlawan), takde lawan kan, bermain emosi berdialog dengan Sabri, termenung, bermain mata, bermain gerakan lompat, bod-body---apa- *body language* (gerak badan) tapi tetap duduk dalam lingkung faham karakter itu, lagi apa. Apa awak tanya tadi?

UI : Idea daripada tuan ataupun memang ditawarkan

EM : Kalau boleh, kalau idea saya kalau boleh bila saya baca skrip saya nampak ada silat tu kalau boleh saya nak suruh direktor buang habis babak silat tu [ketawa] penat, sangat-sangat-sangat memenatkan, kalau dalam tv---dalam filem panggung, bila sebut filem panggung, kalau dalam panggung wayang babak pertarungan yang saya buat selama empat minit ataupun lima minit kita mungkin buat kerja tu selama dua hari paling kurang.

UI : Wow (wah)

EM : Pagi petang takde kerja lain bersilat je tendang-tendang, kena terajang, rebah sana terguling sana terguling sini, penat, sangat-sangat penat. Saya pulak tidak guna stuntman melainkan kalau terjun-terjun tinggi-tinggi tu guna stuntmanlah. Jadi itu datang daripada skrip itu ataupun kehendak direktor daripada awal, pesan kepada direktor-direk---pesan kepada *scriptwriter* (penulis sckrip) supaya mengeluarkan skrip yang berbentuk yang dia hendak inginkan itu. *Okay* (baik).

**UI : Faham tuan, soalan seterusnya boleh tuan ceritakan watak "buyung" dalam Satu Kampung Dua Orang?**

EM : *Okay* (baik), secara ringkasnya satu kampung hanya ada dua orang je, kampung ni kampung yang bunyi senang tapi kehebatan Sabri Yunus menjadikan dia sebuah satu drama yang tragis, *simple* (ringkas) saja itu kampung yang diarahkan pindah oleh kerajaan, banjir, pindah semua, duduk dekat tempat lainlah, kau nak faham tempat ni dia lebih kurang kawasan-kawasan negeri Pahang di negeri awaklah Umie kan.

UI : Ye betul

EM : Tiap-tiap tahun banjir, jadi orang kampung tu (itu) tak ramai, jadi nak menyelamatkan kerjaan pun suruh pindah, pergilah kawasan penempatan lain dan dua beradik ni Juang, Bujang apa ni-Buang dengan Buyung ni, saya Buyong kan?

UI : Ha, tuan buyong, *so*rang lagi Juang

EM : Ha dia dua beradik yang rapat ha begitu begini apa semua, *so* (jadi) ambik keputusan untuk tidak pindah sebab salah satu lagi mereka tidak ada future dah hidup dia ni, dua orang ni yang sebenarnya tapi tak diceritakan secara dialog, *okay* (baik), diorang fikir cukuplah setakat tu dah, takde cita-cita dah untuk ini untuk itu, takde, duduk situ jelah yang pindah tu ada cita-cita lain dan ada anak ada isteri nak masuk universiti begitu

begini apa semua, yang si dua orang ni setakat itu sajalah, *so (jadi)* mereka taknak pindah sayangkan kepada keluarga begitu begini, rumah apa untuk nak menyelamatkan diri bila berlaku banjir tu senang saja, *okay (baik)* (baik), dan Buang (Buyung) tadi tu dia dikhabarkan sebagai orang yang tidak berapa berkenan, suka kepada perempuan yang berbentuk sebegitu rupa, dia bukan tak suka perempuan tapi oleh kerana orang yang bawak watak saya masa flashback itu pelakon itu masa buat saya tak ada, jadi bila saya tengok, saya kurang setuju dengan *flashback* (imbas kembali) yang dibuat itu seolah-olah dia membenci perempuan, dia tidak benci perempuan tapi dia tidak suka untuk nak merapat dengan perempuan, layan perempuan, *okay* (baik), dan akhirnya jatuh cinta dengan seorang perempuan yang sangat-sangat---dan pada malam satu malam dalam hujan yang lebat apa semua, perempuan ni jatuh sungai hanyut *okay* (baik), dan dia nak tahu yang perempuan tu ke sungai untuk apa, yang sebenarnya perempuan itu ke sungai untuk jumpa watak yang Sabri Yunus bawak tu, sebab dua beradik sudah jatuh cinta kepada perempuan yang sama, *so*rok-menyorok apa semua itu ini, *so (jadi)* mati tadi Buang (Buyuung) tu orang yang sangat pegang pada prinsipnya, kalau dia kata A-A lah B-B lah tak kira siapalah, *so* apa yang dia nak dirinya sepanjang-panjang dia nak tahu bagaimanakah isterinya itu dibunuh, perempuan yang dia suka itu mati, dia nak tahu jugak, nak tahu jugak, tu yang dia ulang-alik ulang-alik setiap hari ke kubur, setiap hari ke kubur , setiap hari ke kubur apa semua, dan watak yang Sabri bawak tu pun jugak ke kubur, ziarah kubur hari-hari dan satu hari si Buang (Buyong) tadi tu terdengarlah percakapan bisikan Sabri dengan anak kuda yang datang merenung diri dekat situ bahawa kematian dia itu kerana -- kematian perempuan itu kerana salah satu sebab berpunca jugak dengan watak Sabri tu, *so* (jadi*)* oleh kerana pegang pada prinsipnya, kasih sayang dan dari apa yang diucapkan itu, maka dia ambil keputusan untuk membunuh adiknya, yang pada diri dia membunuh perempuan yang dia sayang bukannya watak Sabri itu yang membunuh itu, gambaran keras mengenai watak, gambaran keras itu gambaran kaku yang ada dalam naskah jadi kerjanya sekarang kerja kepada saya untuk menyawakannya atau menghidupkannya watak ini, iaitu Sabri punya kerja dan ini saya punya kerja, saya nak masukkan roh dalam watak ini, roh itu maksudnya nak

memasukkan karakter watak ini nak *ab-absorb* (menyerap) saya, *so* (jadi)apa unsur yang saya harus perlu masukkan un-tuk-tuk sudah tentu kita akan---saya akan menggunakan unsur lima W satu-lima W- satu H, apa itu lima W, satu *what*(apa)

UI : Ooo, *okay* (baik)

EM : Pernah dengar? Satu *what*(apa), satu *where*(dimana), satu *when*(bila), satu *why*(kenapa), satu *who*(siapa), *okay* (baik)?

UI : Ye betul.

EM : Saya pun buatlah kajian tentang watak Buang (Buyong) tadi tu, siapa begitu begini, buat kajian dan juga buat penetapan bagaimana harus saya bawa karakternya, cakapnya, jalannya, tenungnya, bagaimana duduk termenungnya, batuknya, sakitnya macam mana, ha tu perlu saya tukar *so* (jadi) berlandaskan kepada itu saya pun dapatlah satu H, H tu apa?

UI : *How* (bagaimana)

EM : *How* (bagaimana), bagaimanakah saya nak menghidupkan watak itu, da-da-dapat kesemua itu maka saya pun bangun berdirilah, dan bangun berdiri itu maksudnya mulalah kerja saya berlakon drama dan meyiapkan sampai selesai, rupa-rupanya drama itu mendapat kepujian dan mendapat tumpuan perhatian daripada pihak penganjur lalu menganugerahkan saya sebagai Pelakon Lelaki Terbaik dan saya mesti sedar bahawa setiap anugerah yang saya dapat itu dia ada kaitan dengan naskah itu bukan saya sorang-sorang *okay* (baik)?

UI : *Okay (*baik) betul

EM : Naskah itu juga bantuan dari persekitar saya yang berlakon dengan saya itu yang memberi ransangan, emosi, semangat, kefahaman kepada saya, lalu saya boleh *deliver* (menyampaikan) watak itu dengan lebih berkesan. Begitu juga dengan dalam 'Satu Kampung Dua Orang', dengan adanya Sabri disitu, dia memberi kan saya lagi untuk meresapkan lagi satu satu watak yang---satu karakter yang lagi berkesan untuk watak Buang itu (Buyung). *Okay (*baik).

UI : *Okay* (baik), faham tuan.

**TAMAT BAHAGIAN D**

**BAHAGIAN E: PENCAPAIAN**

**UI : Baiklah bagi pencapaian, baru-baru ini tuan meraih trofi Pelakon Lelaki Drama TV Terbaik ASA 2022 menerusi drama 'Satu kampung Dua Orang', apakah perasaan tuan?**

EM : (ketawa) perasaan, *okay* (baik) eh, - *okay* (baik) pertamanya tiap kali saya menerima anugerah---saya tiap kali satu anugerah dianjurkan eh, saya takde rasa debar apa walaupun saya dicalonkan tak, takde rasa debar rasa-rasa menang ke kalah ke---sebab apa-sebab saya tidak ada niat bila saya pergi berlakon itu saya nak---saya pergi berlakon kerana anugerah, takde, saya nak berlakon---aku nak berlakon watak ni bagus-bagus supaya drama ni nanti masuk anugerah untuk dapat Pelakon Lelaki Terbaik, takde, takde saya takde macam tu, saya akan fokus setiap satu kerja saya akan cabar semua watak yang ada pada saya, dah siap kerja apa, pengarah puas hati, (kurang jelas) baliklah bila pasal filem saya ada, kalau saya nak pergi saya pergilah, macam anugerah angkasa 2022 itu saya tak pergi kan?

UI : Aah, betul

EM : Saya tak menerimanya, dan-dan rasa bersyukur dan rasa dihargai satu lagi ukuran persembahan saya itu masih maintain, saya takut ukuran persembahan itu semakin menurun, lakonan itu makin manurun, seharusnya makin umur meningkat, makin matang, makin cerdik sebenarnya dan yang lainnya juga, sebenarnya saya nak katakan begini tapi bukan sombong saya rasa saya tak ada anugerah dah yang perlu saya terima dekat Malaysia ni. Saya sudah menerima anugerah festa filem, saya ada anugerah skrin, saya ada anugerah seri angkasa saya sudah menerima anugerah popular bintang dibuat oleh nescafe dan juga berita harian dan tv3. Jadi saya rasa saya tidak ada apa lagi yang saya perlu kejar dalam bidang ini ye, apa yang sebetulnya yang saya perlu kejar eh, dan saya sedar bahawa dalam bidang ini saya tidak perlu demand besar saya tidak boleh demand ataupun mintak terlalu besar misalnya saya minta satu filem perlu bajet yang besar lima puluh juta punya filem, saya tak boleh, sebab industri ini sebegini rupa saya sedar-saya sedar supaya saya nak satu naskah yang sangat besar yang sangat cerdik mungkin saya akan susah sebabnya yang hebat-hebat menulis skrip seperi Dato Johan Jaafar misalnya ataupun Anuar Ridhwan-- Datuk Dr Anuar Ridhwan misalnya Datuk A. Samad Said misalnya mereka taknak terlibat dalam penulisan ini dalam unt-untuk skrip untuk filem. Mereka pergi kepada teater jadi kadang-kadang saya buntu aku nak mengharap apa lagi bidang ini, apa lagi aku nak mengharapkan watak yang bagaimana lagi aku nak mengharapkan aku sudah berlakon dengan hampir kesemua pelakon yang ada dekat Malaysia ni yang agak katakan besar, dah terlibat semua dah yang masih ada sekarang, yang masih ada sekarang siapa, Rahim Razali saya dah berlakon, Ahmad Yatim saya dah berlakon, Nasir Bilal Khan, Shaharuddin Thamby, siapa lagi yang ada sekarang, Ahmad Tarmimi Siregar, Fauziah Nawi, Fauziah Ahmad Daud, Azizah Mahzan, semua yang ada semua ada terlibat dan saya ada dan maaf cakap, saya faham permikiran diorang saya tahuu tahap faham lakon diorang saya dah faham dah andai kata saya esok nak pergi berlakon dengan Azizah Mahzan, saya dah tahu dah Azizah Mahzan punya faham tentang karakter, jadi agak menyenangkan akan tetapi apa yang saya cakap tadi dia agak sedikit negatiflah sebab tak boleh mengharap lebih daripada itu, begitu juga dengan anugerah, takde anugerah dah, sebab itu kadang-kadang apabila saya menerima tawaran berlakon saya mengharap satu bentuk skrip

yang lain yang bukan hanya apa yang dah ada itu, dan juga apa yang lebih saya harap ialah agar penonton filem dan drama di Malaysia ini terdidik dan dididik sepenuh sebab soal aspresiasi itu akan memainkan peranan yang agak penting dalam menentukan kebangkitan, kemajuan ataupun jatuh bangunnya satu-satu industri hiburan industri seni ataupun sastera dalam sesebuah negara itu, dan apabila sampai kerja-kerja yang dibuat oleh seorang pengarah yang tidak begitu lengkap, yang tidak begitu sempurna, saya balik dengan penuh kekecewaan, sebab hasil kerja itu nanti akan didokumenkan nanti, akan disimpan dalam arkib negara untuk ratusan tahun lagi, seperti sekarang kita menonton filem-filem P.Ramlee, filem filem lama masih kekal di arkib disimpan, difilem negara apa semua, saya rasa setiap kali saya berkarya nak balik rumah tu nak habis tu selalu berfikir karya aku yang aku tinggalkan nanti ini bagaimana anggapan mereka tapi untuk nak menenangkan diri saya, say-saya sentiasa menjawab ikut oranglah nak faham macam mana (ketawa) kan?

UI : Betul

EM : hmm, itulah bendanya *okay* (baiklah).

**UI : *Okay* (baiklah) seterusnya boleh tuan ceritakan pengalaman menerima anugerah tersebut?**

EM : *Okay* (baiklah), saya ingat lagi pujian seorang penerbit tv, seorang keturunan Tamil, Jack Nadarajah kita panggil, dia memuji saya--cara saya menerima anugerah, menghadap kamera, memberi ruang kamera untuk mengambil begitu begini bangun dengan menegak naik keatas pentas dengan rasa ni ni apa semua begitu begini apa semua dan--saya sedar perk-perkara ini dan memang saya rancang sebegitu rupa. Macam saya cerita kepada awal tadi, saya tidak pernah kerja untuk menerima anugerah--*okay* (baiklah)

UI : Faham

EM : Takde (tak ada), "ooo ini untuk anugerah"--takde-takde--saya berlakon je sehingga selesai tapi bila hasil itu nanti dimasukkan dalam anugerah--dimasuk dalam

pertandingan-waktu yang saya pergi--saya takdelah(tak adalah) kata orang itu--orang ini menang takde--saya pergi je tunggu-tunggu orang ni(ini) menang--bila sampai giliran saya (kurang jelas) pemenangnya--penerimanya saya dan saya pulak (pula) tak suka mengguna perkataan pemenang--saya lebih suka mengguna perkataan penerima-sebab apabila guna perkataan pemenang--saya sudah mengalahkan orang-padahal saya tidak mengalah sesiapapun cuma karya saya itu dipilih tapi mereka menggunakan pemenang--yelah begitu rupalah---terima jelah saya ni-faham eh?

UI : Faham-faham

EM : *Okay (*baik), dan apabila nama diumum saya akan bangunlah--tunjukkanlah saya punya ke-keseronokan saya disamping hati kecik(kecil) itu bersyukurlah lalu bangun sebagai orang yang berjaya lah tuju ke pentas dengan rasa banggalah--dengan gerak yang banggalah, *okay* (baik) dengan meraikanlah upacara itu-zahirkan dengan cara menerimanya, mengangkatnya, me-memberi ruang ke para pemberita untuk mengambil gambar, para berita jugak (juga) akan nak mengguna untuk nak siapkan majalah diorang(mereka), surat khabar diorang(mereka), ditemubual supaya mereka---supaya laku dengan gambar-gambar itu, jadi saya memberi ruanglah kepada mereka---diatas pentas itu untuk merakam sebab artis-dulu ataupun pelakon seluruh dunialah, dia---mereka dengan *reporter*(wartawan) saling kait berkait, saling perlu-memerlukan, saling bantu membantu, dan saling fitnah memfitnah, kadang-kadang, saling tuduh menuduh akan tetapi yang nyatanya antara dua ini memang berada dalam satu daerah. *Okay* (baik)

**TAMAT BAHAGIAN E**

**BAHAGIAN F: SUMBANGAN**

UI : ***Okay* (baik). Baiklah bagi sumbangan, apakah filem yang berjaya menaikkan tuan sepanjang bekerjaya dalam bidang seni?**

EM : Dah tentu filem pertama, filem 'Matinya Seorang Patriot' yang saya cerita awal tadi

yang menyebabkan saya berhenti kerja--yang menyebabkan saya sedar bahawa saya sudah mula diberi tumpuan oleh orang ramai--oleh penonton--oleh peminat filem melayu dan apabila berjumpa dengan filem--dengan pelakon-pelakon veteran daripada Singapura masa itu arwah SaRekam-Pak Kadar masih ada, S.Rosley -- yang perempuan-perempuan ramai dari Singapura tu (itu)--mereka datang peluk saya, pegang saya, peluk saya da-n-dan pelakon-pelakon veteran Singapura ramai yang bila saya naik cium tangan dia - dia berapa tak bagi-- saya terperanjat-- dia cakap "jangan cium tangan mummy" ataupun "jangan cium tangan aunty, cium pipi aunty" rupanya-- cium pipi dia, maksudnya dia sanjung dan suka dengan persembahan saya seperti (berfikir) pernah dapat pujian daripada Latifah Omar, daripada Zaiton - dan pula daripada a-k -- eh pelakon air mata apa ni-- jumpa je menangis-- jumpa hari pertama datang je "ooo hero aku hero mak" dia terkam terus (kurang jelas), aduu (aduh) jadi lupa ni-- dia ni kalau berlakon menangis saja-- Singapura dan adalah ramai lagi pelakon-pelakon dan termasuk jugak (juga) bekas mak mertua saya Allahyarhamah Saadiah - satu bintang yang sangat hebat -- bintang filem Malaysia bintang filem melayu dizaman Studio di Jalan Ampas -- heroin yang salah seorang hero yang sangat hebat Saadiahlah, mak kepada Ogy Ahmad Daud-- dia Allahyarhamah(bekas ibu mertua) juga adalah peminat setia saya dan setiap satu drama kalau saya berlakon tetap dia akan didepan tv apatah lagi dia sangat meminati gaya dan cara saya membuka langkah silat. *Okay* (baik)

UI : ***Okay*** **(baik), seterusnya selepas tuan dikenali, apakah pandangan masyarakat di kawasan tempat tinggal tuan?**

EM : (ketawa) hari raya penuh rumoh (rumah) --- hari raya penuh krumbu (kerumun) rumah orang pagi ke malang (malam) (ketawa) *okay* (baik) orang hok dak (yang tak) rajin mari raya -- mari nu (sana) -- kampung menjadi bangga-- bila tanya pergi kemana mana "awak duduk kampung mana" "kampung Atas Tol" "ooo Atas Tol, Eman Manan" (ketawa) jadi nama saya menjadi kebanggaan kampung saya--- Alhamdulillah orang kampung pun bila sebut kampung Atas Tol "ooo Eman Manan" saya pulak (pula) bila *interview* (temu bual) dengan saya-saya akan cakap negara yang paling cantik dalam

dunia ialah Malaysia, negeri yang paling cantik dalam Malaysia ialah Terengganu, kampung yang paling cantik di Terengganu adalah Atas Tol, saya akan jawab-- acap kali saya akan berkata negeri yang paling cantik mestilah Terengganu, kampung yang paling cantik di Terengganu adalah Kampung Atas Tol --- kampung saya -- keluarga yang paling baik di kampung Atas Tol itu ialah keluarga saya -- orang yang paling baik dalam keluarga saya ialah sayalah (ketawa) kata-kata itu bunyinya macam lucu tapi saya nak menunjukkan bahawa saya sayang – (kurang jelas) sayang-- cinta kepada tanah air saya ini dan jugak (juga) kepada kampung-- kepada bangsa dan negara yang melahirkan saya. *Okay* (baik)

**TAMAT BAHAGIAN F**

**BAHAGIAN G: HARAPAN**

UI : Akhir sekali.

EM : Alhamdulillah akhir sekali dah (ketawa)

**UI : Mengenai harapan, bagaimanakah cara masyarakat kini menghargai kar-ya -- nilai karya yang dihasilkan oleh seniman bagi pendapat tuan?**

EM : Saya rasa-- saya kata kalau boleh saya nak (hendak) penonton kita ini dididik -- dididik disini bunyinya kasar tapi tujuan saya -- mendidik penonton ini -- *statement* (kenyataan) ini pun -- usaha ini saya ambik (ambil) daripada FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia] ataupun daripada -- bukan idea saya tapi saya melihat disitu saya fikir pada waktu itu "kasar kenyataan ini, didik penonton pula (pula) adakah penonton tak pandai menonton " tapi apabila sampai satu -- diselak daripada satu sudut lain-- apabila kita bercakap soal cetak rompak misalnya, kenapa cetak rompak berlaku dekat (di) Malaysia --kenapa-- undang-undang pun dah ada -- undang-undang tak jalan-- cetak rompak berleluasa, hasil kami dirompak, dicuri (kurang jelas) kenapakah masih berlaku? Dan kenapakah di barat -- kita ambik (ambil)

di Perancis, kita ambik (ambil) di Timur di Jepun tiada -- di barat takde (tiada) cetak rompak -- tiada -- kenapa? Jawapan dia kerana ada permintaan -- bila ada permintaan maka ada *supply* (pembekal) ada *demand* (permintaan) ada *supply* (pembekal) dia ada kaitan selagi ada permintaan selagi itu akan ada supply (pembekal) apatah lagi bila penguatkuasa tidak kuat. *Okay)* (baik) kenapa mereka mintak (minta) kerja cetak rompak? Kenapa orang Malaysia ramai yang menyimpan kaset cetak rompak? -- kerana dia murah -- gaji -- duit dalam poket seratus ringgit yang *original* (asli) harga tiga puluh ringgit (RM30) yang tiruan harga lima ringgit (RM5) dah tentulah mereka akan beli harga lima ringgit tu -- sebab apa harga lima ring-ringgit jugak (juga) mereka boleh tengok apa yang mereka ingin ton-tengok -- mereka boleh tonton apa yang mereka ingin tonton mereka tidak fikir hak sudah rompak, mereka tidak fikir tapi di barat mereka fikir "ini hak orang, kau merompak -- aku tak boleh sokong kau" ada dan satu lagi unsur yang paling penting sekali -- unsur yang tadi saya cakap unsur yang dididik tadi soal aspresiasi -- kalau orang itu dia *appreciate* (menghargai) aspresiasi pandai menghayati pandai menghargai karya seni ini, mereka tidak akan memilih yang cetak rompak, sebab cetak rompak itu gambarnya kurang jelas (kurang jelas) rupa, suara akan tetapi decoration dalam arts department dalam lighting photography apa semua -- mereka tidak boleh hayati. Kat (dekat) sini kita ambik kesah sebab kita menghayati karya seni itu dari sudut mana yang seharusnya kita lihat, nilai (kurang jelas) syarat dapat tengok je- begitu jugak (juga) dengan apresiasi satu-satu filem, saya bagi contoh, orang ramai suka tengok cerita Hindustan, betul?

UI : Betul

EM : Awak suka tak?

UI : Saya kurang

EM : Siti suka tak?

SNH : Kalau saya pun kurang jugak (juga)

EM : Kenapa? Tak suka wayang *okay* (baik)

UI : Saya tak berapa minat.

EM : *Okay* (baik) takpe. *Okay* (baik) - ramai orang kita ramai sekali orang Kelantan, Terengganu, Penang Melayu orang kampung suka betul cerita Hindustan. Bila ditanya -- saya tanya "Kenapa suka tengok cerita Hindustan?" dia kata "lagu dia" eh disinilah soal aspresiasi yang salah, awak pergi menonton filem awak gunakan teling pancaindera ataupun mata?

UI : Mata

EM : Fokusnya mata, bila dengar lagu awak guna apa? Telinga, jadi panggung wayang bukan untuk mendengar lagu- tapi oleh kerana apresiasi tidak ada -- penghargaan tidak tahu masa pergi tengok wayang hanya hendak mendengar lagu sepatutnya kalau dia nak dengar lagu-- dia beli cd bukan panggung wayang. Panggung wayang filem tempat apresiasi segala sudut seni. *Okay* (baik), filem adalah cantuman atau rangkuman segala bentuk seni terkumpul dalam filem. Semua terkumpul di dalam filem untuk nak mencari apa, mengkaji apa, semua ada dalam tu (itu), tapi oleh kerana tidak tahu bagaimana apresiasi macam saya kasi (bagi) contoh tadi mendengar lagu melalui filem, *okay* (baik) tak faham apa benda lagu pun sedap, lagunya pulak melodinya pulak (pula) tu jiwa kita ni sudah ada sedikit pengaruh daripafa hindu dan India dan banyak sekali pengaruh-pengaruh hindu yang kita amal sampai sekarang tapi kita tukarnya salah satu ialah tahlil itu daripada hindu tiga malam, tujuh malam, empat puluh malam cuma dalaman tu (itu) kita isi dengan doa dengan ayat ayat yang bagus tapi kerja membuat itu bukan kerja kita budaya daripada hindu. Zaman nabi takde, takde dibuat sebegitu rupa tapi oleh kerana kita taktahu tak buat kenduri tahlil kita jadi susah "alamak buat tiga malam orang lain buat tujuh malam" lepstu ada ajaran soal apresiasi tadi itu dan yang lain apabila dia tengok filem -- tengok filem hindustan pulak (pula) satu lagu ada berapa baju.

UI : Betul

EM : Ada lapan baju, ada berapa lokasi --- ada gunung, atas bukit apa semua. Mereka sebenarnya nak (hendak) bercerita apa yang digambarkan itu ialah imaginasi, mereka

